

Jilid I
Bil. 3



Hari Rabu
13hb Oktober, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI MALAYSIA
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Kebenaran Cuti—Y.B. Datuk Harris bin Mohd. Salleh [Ruangan 213]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 213]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 255]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 256]**



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S.,
D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N.
(Sungai Siput).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Air Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J.
(Rengam).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO'
SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI
OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM
LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI
MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S.,
A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI
ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU
BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD.
KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN
PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S.
(Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN
SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN
HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN
SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Tan Tiong Hong (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN,
J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran; DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB
(Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK
(Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN
NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR
BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut)
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGLANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).

„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).

„ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan, Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 13hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

KEBENARAN CUTI—Y.B. DATUK
HARRIS BIN MOHD. SALLEH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Y. B. Datuk Harris bin Mohd. Salleh dari 16hb Oktober, 1982 hingga 28hb November, 1982.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Ibrahim bin Abdullah. Tidak hadir.

(Soalan No. 1 Y.B. Wan Ibrahim bin Abdullah tidak hadir)

KAD PENGENALAN MERAH—
PEMEGANG

2. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) Jumlah pemegang Kad Pengenalan merah di Sarawak; dan

(b) Adakah pemegang-pemegang Kad Pengenalan merah terdiri daripada mereka yang lahir di Brunei tetapi ibu-bapa ataupun bapa ataupun ibu mereka ialah warganegara Malaysia; jika ya; bolehkah beliau memberitahu berapakah permohonan kewarganegaraan telah diterima dari pemegang-pemegang Kad Pengenalan merah yang lahir di Brunei semenjak tahun 1970 hingga sekarang; berapakah permohonan mereka telah diluluskan; berapakah permohonan mereka telah ditolak dan berapakah masih dalam pertimbangan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah Pemegang Kad Pengenalan Merah di Sarawak sehingga 31hb Ogos, 1982 ialah seramai 12,262 orang.

(b) (i) Pada 31hb Ogos, 1982 ada seramai 2,124 pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah yang lahir di Brunei di mana ibu-bapa atau salah seorang daripadanya ialah warganegara Malaysia;

(ii) Jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima dari pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah yang dilahirkan di Brunei semenjak tahun 1970 hingga 31hb Ogos, 1982 ialah sebanyak 1,096

permohonan. Dari jumlah ini sebanyak 562 permohonan telah diluluskan, 66 permohonan ditolak dan 468 permohonan yang masih lagi dalam pertimbangan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa proses untuk menukar Kad Pengenalan Merah ke Kad Pengenalan Biru mengambil masa yang sangat lama dan adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat dengan tujuan untuk membolehkan pemegang Kad Pengenalan Merah untuk mendapatkan sijil kewarganegaraan dengan secepat yang boleh.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedar dan sukalah menyatakan di sini bahawasanya dalam pengeluaran kad pengenalan daripada merah kepada biru memerlukan suatu penelitian yang benar-benar teratur dan baik oleh sebab kita perlu memastikan bahawa butir-butir ataupun maklumat-maklumat yang dibekalkan itu adalah benar oleh sebab kita bertujuan hendak memberi hak kewarganegaraan kepada mereka yang benar-benar layak. Dan sukalah saya nyatakan di sini bahawa dalam soal memperoses kad-kad tadi, banyak masalah-masalah yang timbul, umpamanya, kadangkala, kita menerima satu dokumen yang dinyatakan bahawa si anu itu dilahirkan di negeri China, tetapi apakala kita membuat sesuatu penelitian dan sebelum selesai penelitian itu dijalankan, telah pula, kita menerima satu lagi dokumen lain yang menyatakan bahawa subjek yang tersebut itu diperanakan di Trengganu. Jadi, inilah persoalan yang pasti kita kaji terlebih dahulu sebelum

kita memberi kelulusan dan inilah sebabnya, biasanya, persoalan ini mengakibatkan sedikit kelewatan.

Tuan Sim Kwang Yang: I would like to ask the Deputy Minister of Home Affairs.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta kebenaran berucap dalam bahasa Inggeris dahulu.

Tuan Sim Kwang Yang: *Dengan izin*) Sorry. In view of the Brunei Independence next year does the Government anticipate a large influx of application for red identity cards from people who are of Sarawakian parentage or who were born in Brunei, and if so, what would be done about it? What would be the policy with regard to it?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, soal ini adalah soal orang-orang yang lahir di Brunei; kemudian mahu memohon kad pengenalan biru. Kita terpaksa patuh kepada undang-undang yang ada dalam Perlembagaan kita. Kalau kita lihat Jadual Kedua, Bahagian II Artikel 14(1) ianya menyatakan satu persatu, iaitu jikalau pada atau selepas hari Malaysia, dan pada masa kanak-kanak itu lahir, bapanya, adalah seorang warganegara yang lahir di Malaysia atau bertugas dengan Kerajaan Malaysia atau negeri-negeri di Malaysia dan anaknya didaftarkan dengan Kerajaan Malaysia dalam tempoh setahun, maka anaknya menjadi warganegara, secara otomatis. Kalau tidak, terpaksa pemohon-pemohon memohon mengikut peraturan biasa.

DASAR PANDANG KE TIMUR

3. **Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah wang Negara yang akan terlibat dalam dasar memandang ke Timur dan sejauhmana perhubungan, sibaran, penyertaan, garis panduan yang telah disediakan bagi

tujuan memesatkan dan menjayakan dasar tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang diperuntukkan bagi tujuan pelaksanaan dasar "Memandang ke Timur" yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut:

1982	\$ 2,236,019
1983	\$11,900,000

Perhubungan dan Penyelarasan

Sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah bertanggungjawab untuk menyusun program-program di bawah dasar ini. Pelaksanaan dasar ini adalah di bawah tanggungjawab sebuah Jawatankuasa Teknikal di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Perhubungan-perhubungan secara rasmi telah terjalin antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan wakil-wakil Kerajaan Jepun dan Korea pada peringkat pegawai dan juga sektor swasta di Negeri Jepun seperti Japan Chamber of Commerce Industry (JCCI). Perhubungan dengan agensi-agensinya Kerajaan Jepun seperti Japan International Corporation Agency (JICA), Japan Foundation, dan Association Overseas Technical Scholarship (AOTS) telah juga diwujudkan. Mengenai penyertaan rakyat Malaysia di bawah dasar ini, Kumpulan pertama seramai 136 orang pelatih telah mengikuti Kursus Intensif Bahasa Jepun selama 6 bulan bermula pada 15hb Februari, 1982 di Institut Teknologi MARA (ITM). Kumpulan ini telah berlepas ke Negeri Jepun pada 5hb September, 1982 untuk mengikuti latihan kemahiran perindustrian di dalam bidang-bidang tertentu di 19 buah firma Jepun. Mulai pada 19hb September, 1982 seramai 242 orang pelatih kumpulan kedua ke Jepun dan 55 orang pelatih kumpulan

pertama ke Korea Selatan telah memulakan kursus Intensif Bahasa Jepun dan Korea di ITM selama 6 bulan. Mereka ini dijangka akan dihantar ke Jepun dan Korea Selatan untuk mengikut latihan perindustrian dan teknikal pada bulan April, 1983. Kumpulan ketiga dicadangkan seramai 285 orang dihantar ke Jepun pada bulan Oktober/November 1983 selepas mereka mengikuti kursus Intensif Bahasa Jepun selama 6 bulan di ITM mulai Mei, 1983.

Pengajian Akademik

Seramai 23 orang pelajar lepasan SPM yang sedang mengikuti kursus Matrikulasi di UKM dan sejumlah 20 orang pelajar Lulusan SPM yang mengikuti Kursus Asasi Sains di Universiti Malaya telah dipilih untuk dihantar ke Universiti-universiti di Negeri Jepun untuk mengikuti kursus peringkat Ijazah dalam bidang-bidang Sains Komputer, Kejuruteraan, Pengurusan Perniagaan dan Sains, Sains Makanan dan Perikanan. Mereka ini sedang diberi latihan dalam bahasa Jepun. Pada bulan April, 1983, seramai 9 orang guru matapelajaran (subject teachers) akan didatangkan dari Jepun untuk mengajar di Kursus Matrikulasi dan Pusat Asasi Sains di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM) untuk menyediakan penuntut mengambil peperiksaan masuk ke Universiti-universiti di Jepun pada bulan Disember, 1983 kelak.

Latihan Pengurusan Amali

Satu lagi aspek dasar ini ialah dengan mewujudkan hubungan antara Institut. Umpamanya INTAN telahpun mewujudkan hubungan dengan aktiviti-aktiviti institusi penyelidikan yang serupa dengannya di negeri Jepun dan Korea.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana pelajar-

pelajar ataupun pelatih-pelatih yang akan dihantar atau yang telah dihantar ke negeri Jepun banyak bilangannya adalah yang beragama Islam, adakah satu jaminan bahawa pelajar-pelajar itu boleh dapat makanan-makanan yang sesuai ataupun yang tidak bercanggah dengan Islam di negeri Jepun.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, semasa saya membuat lawatan ke negeri Jepun pada bulan yang lalu dan berkesempatan melawat dua tempat di mana pelajar-pelajar kita akan diberi latihan, saya telah diberi jaminan dan juga ditunjukkan tentang kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk pelajar-pelajar kita sama ada untuk kemudahan beribadat ataupun kemudahan makanan yang halal.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri bahawa sebagaimana yang kita sedia maklum selama ini pergantungan ekonomi dan juga teknologi negara kita adalah tergantung kepada barat dan banyak mesin-mesin dan peralatan moden datang daripada Barat. Jadi, dengan dasar "Pandang ke Timur" ini sudah tentu akan memberi kesan yang tidak baik kepada ekonomi kita dan juga apakah tindak balas negara Barat terhadap negara kita dengan dasar baru yang kita lakukan ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sehingga peringkat ini belum ada tindak balas yang telah diambil oleh negara Barat akibat dari kita melaksanakan dasar "Pandang ke Timur".

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah dasar "Pandang ke Timur" ini bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah ciri-ciri yang dititikberatkan sama ada dari segi etika kerja ataupun

dari segi teknologi dan apakah Yang Berhormat Menteri merasa yakin bahawa ciri-ciri dari Timur ini dapat kita serapkan dengan mudahnya setelah sekian lama rakyat kita dipengaruhi oleh ciri-ciri dari Barat.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, aspek penting dalam pelaksanaan dasar "Pandang ke Timur" ini ialah dalam bidang memberi latihan kepada pelajar-pelajar dari Malaysia dan dari rancangan latihan yang telahpun disusun untuk pelajar-pelajar kita itu kita menitikberatkan kepada latihan dan pengajian dalam bidang sains. Umpamanya, bagi pelajar-pelajar yang dihantar untuk berlatih sambil bekerja, latihan-latihan yang kita harap mereka akan ikuti itu adalah berupa latihan-latihan yang akan dapat memberikan mereka kemahiran dalam bidang-bidang yang tertentu dan bagi mereka yang dihantar nanti untuk memasuki universiti atau institusi pelajaran tinggi di Jepun nanti maka kita beratkan kepada matapelajaran-matapelajaran sains dan kejuruteraan. Saya yakin bahawa setelah meninjau kemudahan-kemudahan yang ada di sana dan setelah kita mengakui tentang kejayaan negeri Jepun dan juga Korea dalam bidang-bidang yang tertentu maka pelajar-pelajar kita yang dihantar untuk belajar di sana akan mendapat kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi itu, saya yakin mereka akan dapat manfaat daripada rancangan latihan tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah mekanism disediakan untuk menentukan prestasi atau faedah-faedah akan kita perolehi dari dasar ini sejajar dengan apa yang dibelanjakan memandangkan perbelanjaan itu akan meningkat ke \$11 juta.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini memang ada sebuah jawatankuasa yang ditugaskan khusus

untuk bukan sahaja merancang rancangan pelajaran, terutama sekali di bawah pelaksanaan dasar pandang ke Timur ini. Jawatankuasa ini saya yang mempengeruskannya. Tetapi pada peringkat pegawai ada jawatankuasa teknikal yang ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam yang juga bukan hanya merancang tetapi juga monitor dan sentiasa mengesan apakah faedah-faedah yang kita boleh dapati daripada rancangan ini dan apakah masalah-masalah yang kita hadapi yang mesti kita atasi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, apakah persediaan-persediaan yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mengubahsuai sistem pengambilan pekerja atau sistem jaminan kerja perbezaan yang terdapat antara jaminan kerja di Malaysia dengan jaminan kerja yang terdapat di Jepun. Contohnya, di negeri Jepun dasar tiap-tiap syarikat adalah menjamin kerja sehingga seumur hidup dan apabila orang itu bersara maka jaminan bersara pula diberikan. Begitu juga diutamakan keluarga bagi para pekerja dalam pengambilan pekerja-pekerja baharu. Apa yang saya hendak timbulkan di sini apabila kita menghantar anak-anak kita berlatih di Jepun mereka nanti akan terdedah kepada satu sistem yang terasing daripada sistem yang ada dalam negara kita di mana jaminan seperti yang saya sebutkan tadi tidak terdapat dalam firma-firma swasta kita. Ertinya, nanti anak-anak ini akan pulang dengan expectation yang tidak dapat dipenuhi oleh sistem yang ada dalam negara kita. Apakah persediaan yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dari segi jangka panjang.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila kita memulakan

pelaksanaan dasar pandang ke Timur ini, kita bukanlah pada peringkat awal ini merancang untuk mengambil segala-segalanya yang terdapat dalam bidang pengurusan dan teknologi yang ada di negeri Jepun itu. Kita memulakan rancangan kita ini dengan rancangan latihan dalam bidang kemahiran dan bidang sains dan teknologi. Dan kita mengetahui bahawasanya bukanlah menjadi hasrat kita untuk meniru Jepun tetapi setakat memilih apakah cara-cara dan teknik-teknik yang difikirkan sesuai dengan keadaan kita di sini yang dapat kita laksanakan di sini. Jadi, berhubung dengan perkara ini pelajar-pelajar yang diberi latihan di ITM itu memang diberi orientasi daripada segi untuk menerangkan kepada mereka sedalam-dalamnya dan seluas-luasnya apakah yang Kerajaan mengharapkan daripada pelaksanaan dasar ini dan apakah peranan yang diharapkan daripada mereka. Dan di samping itu kita juga menerangkan masalah-masalah yang mungkin mereka hadapi apabila dihantar untuk mengikuti kursus latihan di negeri Jepun itu.

Berhubung dengan dasar Kerajaan Jepun yang terkenal iaitu dasar pengambilan dan bekerja seumur hidup, pada masa sekarang tidak ada satu rancangan yang kita akan melaksanakan dasar seumpama itu di negara kita.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Soalan tambahan. Dari segi Kerajaan hendak memandang ke Timur iaitu ke Korea dan ke Jepun, di sini ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai penuntut-penuntut kita yang akan dihantar ke sana nanti. Jadi, adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan asrama-asrama bagi kemudahan penuntut-penuntut kita menetap di sana dan dari segi asas untuk kita mengadakan segi makan minum, segi untuk kita sembahyang dan lain-lain lagi.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini belum lagi. Walau bagaimanapun, rancangan seumpama itu boleh dipertimbangkan bergantung kepada perkembangan bidang rancangan latihan ini nanti.

Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai kesannya kursus intensif dalam bahasa Jepun yang akan diberi itu. Adakah kursus ini memadai untuk pelajar-pelajar supaya dapat mengendalikan kursus-kursus di peringkat universiti. Misalnya, dapatkah pelajar-pelajar itu selepas kursus intensif ini membaca buku-buku dalam bahasa Jepun. Sebab kita mengetahui bahawa bahasa Jepun bukanlah satu bahasa yang senang.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Pada waktu ini kursus intensif bahasa Jepun itu ada dua jenis, satu jenis yang diberi dalam jangka masa 6 bulan khusus untuk mereka yang akan dihantar bagi rancangan latihan sambil bekerja dan dari penilaian yang telah dibuat terhadap kursus ini adalah didapati bahawasanya pelatih-pelatih yang berkenaan itu telah dapat menguasai bahasa itu untuk tujuan mengikuti latihan sambil bekerja. Tetapi bagi pelajar-pelajar kita yang diberi latihan untuk memasuki universiti-universiti di Jepun maka kursus bahasa Jepun itu adalah diberi dalam tempoh dua tahun lamanya dan adalah diharapkan bahawa dua tahun kursus intensif bahasa Jepun itu sudah membolehkan mereka mengikuti kursus universiti nanti.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi tahu Dewan ini apakah tindakan yang positif yang telah diambil untuk menentukan bahawa rakyat Malaysia adalah memahami dengan teliti tentang konsep

pandang ke Timur ini supaya apa-apa salah faham tidak akan timbul pada masa akan datang kelak.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, selama ini sebenarnya sudah banyak diperkatakan tentang dasar ini, terutama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan penerangan-penerangan dalam kursus-kursus selalunya biasa juga dimasuki subject ataupun tajuk dasar pandang ke Timur ini dan dari dialog rakyat yang diadakan apabila soalan-soalan seumpama ini ditimbulkan, maka penerangan itu diberi.

Tuan Lim Liang Seng: Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan adakah Kerajaan mempunyai satu kriteria dalam pemilihan pelajar-pelajar untuk dihantar ke Jepun dan ke Korea bagi mengikuti kursus latihan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kriterianya ialah kelulusan peperiksaan pada peringkat-peringkat yang tertentu sebagaimana yang telah dipersetujui antara Kerajaan Malaysia dan juga pihak Jepun dan Korea.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan penghabisan sekali.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Yang Berhormat Menteri menerangkan dasar pandang ke Timur sekarang ini hanyalah ditumpukan kepada Jepun dan Korea sahaja. Jadi, saya ingin tahu adakah Kerajaan akan mengembangkan lagi dasar ini dengan melihat ke negerinegeri Timur yang lain. Jika Kerajaan berhasrat demikian, apakah bidang-bidang yang akan dilihat, dan jika tidak, mengapakah perkara demikian boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan itu keluar daripada soalan asal. Saya tidak benarkan.

PENCEN KEPADA PESARA- PESARA—BAYARAN

4. Datuk Edwin Anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah masih berlakunya kelewatan pembayaran wang pencen kepada pesara-pesara dan bahawa ada setengah-setengah mereka terpaksa menunggu hampir dua tahun, sama ada beliau sedar bahawa hal ini telah menimbulkan kesulitan kepada pesara-pesara yang terdiri dari mereka yang berpendapatan rendah, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan pembayaran wang pencen mereka.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan terdapat kes-kes di mana pembayaran faedah-faedah pesaraan telah mengambil masa yang agak panjang khususnya bagi kakitangan yang berkhidmat dengan Majlis-majlis Tempatan Sarawak yang akan menikmati skim pencen yang dilanjutkan kepadanya pada tahun 1978 berikutan dengan pelaksanaan Laporan Suruhanjaya Gaji Kabinet di Sarawak. Akta Pencen pihak-berkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 adalah dikuatkuasakan mulai pada 7hb Ogos, 1980 dengan mana Jabatan Perkhidmatan Awam menjalankan prosesan kes-kes untuk meluluskan Perkiraan dan bayaran pencen kepada kakitangan Majlis-majlis Tempatan yang telah bersara semenjak Laporan Jawatankuasa Gaji Kabinet dilaksanakan.

Oleh kerana faedah pencen adalah dibayar buat pertama kalinya kepada golongan kakitangan Majlis-majlis Tempatan itu tidak mempunyai rekod perkhidmatan yang lengkap dengan butir-butir yang diperlukan bagi maksud menentukan kelayakan

kakitangan itu menerima faedah-faedah pencen. Kini sistem penyenggaraan rekod perkhidmatan telah diubahsuaikan dan dengan itu kebanyakan pesara telahpun dibayar faedah persaraan. Sementara menantikan pembayaran faedah persaraan tersebut, golongan kakitangan itu telahpun mengeluarkan keseluruhan kredit kumpulan wang simpanan Majlis Tempatan.

Kerajaan sedar kesulitan yang timbul kepada pesara-pesara dan tanggungan mereka kerana bayaran dibuat lewat dan oleh itu telah mengambil beberapa langkah untuk mengelakkan berlakunya kelewatan dalam prosesan dan pembayaran faedah-faedah persaraan itu. Di antara langkah-langkah itu ialah seperti berikut:

- (i) Mengarahkan Ketua-ketua Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Badan Berkuasa Tempatan mengemukakan kepada pihak berkuasa yang memproseskan faedah-faedah persaraan segala maklumat dan dokumen mengenai sesuatu kes persaraan kerana cukup umur tidak lewat dari enam bulan sebelum tarikh persaraan itu.
- (ii) Menghantar pegawai-pegawai dari Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam ke Jabatan-jabatan yang menghadapi masalah-masalah menyediakan rekod perkhidmatan dan kertas pencen bagi membantu pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan tersebut mengatasi kerumitan mereka.
- (iii) Mengadakan dari semasa ke semasa pelbagai kursus dan taklimat yang dirancangkan khas bagi mengatasi masalah-masalah tertentu mengenai prosesan pencen bagi manafaat

pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan yang menghadapi masalah tersebut. Kursus-kursus pentadbiran pencen juga diadakan untuk pegawai-pegawai yang menguruskan perihal pencen di Jabatan-jabatan bagi menyarankan cara-cara untuk mempercepatkan prosesan faedah-faedah persaraan dan meninggalkan mutu pencapaian pentadbiran faedah-faedah persaraan keseluruhannya.

- (iv) Mengeluarkan satu pekeliling yang memberi garis panduan kepada Ketua-ketua Jabatan mengenai penyenggaraan rekod perkhidmatan kakitangan yang akan bersara.

Dengan adanya langkah-langkah yang tersebut di atas yang telahpun dilaksanakan, kes-kes kelewatan pembayaran faedah persaraan telah berkurangan. Di dalam kes-kes di mana faedah-faedah persaraan telah diluluskan tetapi pembayaran muktamad tidak dapat dibuat kerana hutang-piutang pesara kepada Kerajaan (seperti pinjaman perumahan dan tanggungan cukai pendapatan) belum dapat ditentukan, pembayaran pencen sementara dibuat kepada pesara-pesara yang terlibat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagaimana maklum bahawa seorang balu ataupun suaminya meninggal akan terhenti bayaran pencennya apabila si balu itu berkahwin semula. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada seorang isteri Wakil Rakyat—bukan Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional—masih menerima pencen ini di negeri Kelantan, isterinya masih menerima pencen ini walaupun isteri itu telah berkahwin semula, dan jika beliau tidak sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil

supaya perkara yang seperti ini tidak berlaku dan merugikan wang Kerajaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar dan saya harap Ahli Yang Berhormat dapat memaklumkan kepada saya kes itu.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya seseorang pesara berkahwin dengan seorang isteri muda, kemudian pesara itu meninggal, mengapakah pihak Kerajaan tidak memberi persaraan itu kepada balu yang baru ditinggalkan oleh suami. Perkara ini berlaku di kawasan saya iaitu seorang janda yang berkahwin dengan seorang pesara, kemudian apabila pesara itu meninggal dia membuat tuntutan tetapi dia tidak dapat menerima pembayaran menyambung persaraan daripada suaminya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soal itu ialah soal polisi. Saya ingat dalam masa pertanyaan-pertanyaan ini tidak bolehlah bertanya kepada apa yang akan berlaku dan apa yang Kerajaan akan buat. Hanya boleh kita bertanya ialah soal yang di hadapan kita ini bersangkut-paut dengan pertanyaan kita ini—kelewatan membayar. Bukannya faedah mengapa tidak bayar. Saya tidak benarkan pertanyaan itu.

Yang Berhormat Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar.

(Soalan No. 5 Y. B. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar tidak hadir)

BEKALAN LETRIK DI MUKIM SUNGAI TINGGI

6. **Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Mukim Sungai Tinggi dalam Daerah Larut dan

Matang memerlukan bekalan tenaga letrik, dan jika ya, bilakah beliau akan membekalkan kuasa letrik ke kawasan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan bahawa Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak sedar Mukim Sungai Tinggi dalam Daerah Larut dan Matang memerlukan bekalan elektrik memang tidaklah benar kerana bukan hanya Mukim Sungai Tinggi dalam Daerah Larut dan Matang yang memerlukan bekalan elektrik, tetapi semua kawasan luar bandar di seluruh negara memerlukan bekalan elektrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mukim Sungai Tinggi sahaja ada beberapa projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan. Pada tahun 1981 sahaja satu projek di Kampung Temerloh telah siap dilaksanakan untuk 158 orang pengguna yang menelan belanja sebanyak \$222,955. Pada tahun ini pula ada empat projek lagi yang sedang dijalankan di empat buah kampung yang akan memberi khidmat kepada lebihkurang 772 orang pengguna dengan kos perbelanjaannya sebanyak \$1,502,980. Pada tahun hadapan empat projek lagi akan dilaksanakan di empat buah kampung—insyaAllah, yang dijangka akan menelan belanja lebihkurang \$1,063,902 untuk kegunaan 561 orang pengguna. Sebagaimana yang sedia maklum, pelaksanaan projek-projek ini juga lain-lain projek adalah bergantung kepada faktor-faktor tertentu seperti dari segi adanya bekalan bahan-bahan, segi teknik dan kadangkala cuaca.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan projek-projek bekalan elektik dan

jumlah peruntukannya sekali bagi kawasan dan mukim yang berkenaan. Jadi, saya ingin tahu dari manakah peruntukan ini, sama ada peruntukan ini dibelanja oleh Kementerian beliau ataupun daripada mana.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

SEKOLAH—PERUNTUKAN TAHUNAN (OCAR/OCSE)

7. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa peruntukan tahunan yang diberi kepada sekolah-sekolah khususnya Lain Perbelanjaan Berulang Tahunan LPBT atau OCAR dan Lain Perbelanjaan Khas (LPK atau OCSE), amat tidak mencukupi dan jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan kadar peruntukan ini dan bilakah kadar baru akan diberikan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa peruntukan tahunan yang diberikan kepada sekolah-sekolah untuk beberapa maksud tertentu adalah tidak mencukupi. Kajian untuk memperbaiki keadaan di atas telahpun selesai dibuat dan rundingan di antara Perbendaharaan dan Kementerian Pelajaran mengenai cara-cara pelaksanaannya adalah di peringkat akhir sekarang ini. Sekiranya keadaan ekonomi negara mengizinkan kadar-kadar baru mungkin dapat dilaksanakan dalam tahun akan datang.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Tuan Yang di-Pertua, adakah peruntukan LPBT sekolah-sekolah bagi bayaran keempat yakni bayaran dari bulan Oktober sehingga Disember, 1982 akan ditangguhkan atau dibatalkan untuk menjimatkan perbelanjaan.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Tan Kok Hooi: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan sekiranya tidak, kenapa di negeri Kedah sekolah-sekolah dari semua aliran sehingga hari ini belum menerima LPBT (OCAR) kali keempat dan perbelanjaan Pejabat Pelajaran Negeri Kedah terpaksa memulangkan sebanyak 10% atau \$18 juta daripada jumlah perbelanjaan tahunan kepada Kerajaan Pusat. Ini adakah benar?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya tidak sedar tetapi saya akan melawat negeri Kedah pada 16 haribulan ini dan barangkali masalah ini jikalau ada timbul, saya akan menyasiat sendiri.

Dr Koh Tsu Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa LPBT dan KPK itu diperuntukkan mengikut bilangan murid-murid sekolah atas kadar yang tertentu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi tahu Dewan ini, apakah kadar yang sedia ada sekarang dan apakah kadar baru yang dicadangkan itu?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini memerlukan satu masa di mana saya boleh menyediakan jawapan ini, saya akan memberi jawapan ini melalui tulisan kepada Ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Dengan pelaksanaan sistem 3M ini bermakna perbelanjaan untuk tiap-tiap sekolah akan bertambah pada tahun hadapan. Adakah Kementerian berkenaan bersedia untuk menambatkan peruntukan tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana Yang Berhormat tahu peruntukan akan bertambah?

Dr Tan Seng Giaw: Saya ada meneliti setakat sekarang; ini pelaksanaan Sistem KBSB dan mendapati perbelanjaan tiap-tiap kelas, tiap-tiap darjah yang melaksanakan 3M setakat ini perbelanjaannya meningkat. Ini pengalaman saya.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tambahan ini di luar daripada soalan asal, tetapi apa yang Ahli Yang Berhormat ingin tahu ialah berkenaan peruntukan khas untuk KBSR dan peruntukan khas ini kita pun ada beri kepada sekolah-sekolah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengetahui kedudukan wang OCAR di Kedah, apakah perlu beliau mesti melawat ke Kedah dahulu, tidakkah boleh beliau mendapatkan maklumat ini dari Kementerian beliau dengan secepat mungkin untuk menyelesaikan masalah ini dengan segera?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan itu tidak berbangkit daripada soalan yang sebenar.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Bukan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini berdasarkan jawapan daripada Yang Berhormat dan benda ini telah dibangkitkan oleh beliau sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia menerangkan akan menyasiat, jadi soalan yang patut dikeluarkan ialah berbangkit daripada soalan asal.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, pertambahan peruntukan bagi OCAR ataupun grant (PCG) ke sekolah-sekolah, adakah Kementerian yang berkenaan telah memasukkan peruntukan bagi kegiatan-kegiatan sukan dan permainan, kerana pada masa yang lepas kegiatan sukan yang

digalakkan oleh Kementerian ini hanya berdasarkan daripada yuran pelajar-pelajar (miscellaneous fees). Jadi saya ingin tahu, adakah peruntukan yang baru ini Kementerian memasukkan peruntukan sukan dan permainan?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, di dalam kajian baru ini memang kita sekarang akan memasukkan peruntukan untuk membeli alat-alat dan lain-lain barang untuk sukan. Ini ada dikaji.

POLIS—JUMLAH ANGGOTA

8. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan pada 30 September, 1982 angka kekurangan anggota polis di negara ini; apakah matlamatnya bagi jumlah polis pada tahun 1985; terdapatnya kekurangan anggota polis yang serius pada tahun 1985, apakah langkah-langkah positif untuk memperbetulkan keadaan itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kekosongan perjawatan disemua peringkat dalam Pasukan Polis sehingga 30hb September, 1982 ialah sebanyak 5,086 orang atau 7.051%. Angka matlamat bagi jumlah anggota polis pada tahun 1985 ialah 120,000 orang.

Kerajaan akan berusaha bagi mencapai matlamat tersebut dan sekiranya matlamat tersebut tidak tercapai sebagaimana yang dirancangan pihak Polis bersedia di antara lain menyusun semula penggunaan tenaga anggota (the deployment of manpower) mengikut keadaan semasa.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada langkah berjimat cermat yang sedang dijalankan oleh Kerajaan sekarang

dan memandangkan bahawa arahan-arahan telah dibuat oleh Kerajaan supaya membekukan semua pengambilan kakitangan baru, adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang untuk menggunakan lebih banyak tenaga polis sukarela dan melatih mereka secukupnya supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas ringan yang sekarang ini dijalankan oleh Pasukan Polis regular yang sepatutnya boleh dijalankan oleh orang-orang yang tidak memerlukan kecekapan yang tinggi.

Tuan Mohamed Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di sini bahawa sekiranya rancangan kita tidak sampai kepada matlamat yang kita kehendaki iaitu 120,000 orang polis tahun 1985 ataupun 10,000 orang polis pada tiap-tiap tahun dari segi peningkatannya maka kita akan melaksanakan satu penumpuan di kawasan-kawasan yang mana jenayahnya adalah tinggi dan kita akan mengurangkan anggota-anggota di kawasan-kawasan yang agak tenteram dan aman.

Jadi pengsyoran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu bagi pihak saya akan saya ambil perhatian dan setakat ini mengikut pengetahuan yang ada pada saya belum lagi kita ada rancangan yang sedemikian.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar berkenaan dengan anggota-anggota polis di banyak tempat termasuk Selayang dan Sentul yang hendak bekerja dengan lebih masa tanpa rihat memandangkan peningkatan kes-kes jenayah di kawasan-kawasan yang tertentu. Adakah langkah-langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya mengambil berbagai-bagai langkah untuk mengatasi masalah-masalah yang disebut oleh Yang Berhormat

tadi. Jadi apa yang perlu saya tegaskan di sini ialah bahawasanya rakyat sendiri selain daripada anggota Polis termasuk Yang Berhormat hendaklah bersama-sama mengambil bahagian bagi membenteraskan jenayah ataupun perkara-perkara yang kita tidak ingini. Jadi itulah harapan saya.

Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tidak silap saya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebutkan angka 120,000 orang anggota Polis bagi tahun 1985. Adakah angka ini dirancangan berdasarkan satu kadar yang tertentu atau tidak, sebab mengikut kiraan saya sendiri ini bermakna bahawa terdapatlah lebih kurang seorang anggota Polis bagi tiap-tiap 130 orang termasuk kanak-kanak, bayi-bayi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Apakah kadar yang digunakan dan adakah ini mencukupi atau tidak?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu perancangan yang kita laksanakan berasas kepada kadar yang tertentu. Buat masa ini nisbah kadar ialah seorang Polis kepada 209.13 rakyat, jadi kita ada mempunyai kadar. Oleh sebab itulah kita rancangan iaitu bermula pada tahun 1985 kita mengharapang anggota itu berjumlah 120,000 orang.

Tuan Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan tadi bahawa keperluan Polis sehingga tahun 1985 ialah 120,000 orang dalam berbagai-bagai unit. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan di dalam bahagian manakah yang terlalu mendesak atau diperlukan sama ada Polis Hutan, Marin ataupun Polis biasa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, ini memerlukan notis.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan ini tentang pengambilan anggota-anggota Polis dalam negara kita ini berdasar kepada kota umpamanya bahagian bumiputra sekian per cent, bahagian bukan bumiputra sekian per cent, kerana daripada kenyataan-kenyataan suratkhbar ternyata orang bukan bumiputra tidak begitu gemar menceburkan diri dalam Pasukan Polis. Kalaulah demikian benar kenyataannya, kenapakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mengambil 100% Pasukan Keselamatan itu yang masih kosong terdiri daripada bumiputra.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kita merekrut anggota Polis dari semua warganegara yang ingin menjadi anggota Polis dengan memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

PEKEBUN KECIL KELAPA— HARGA

9. **Haji Nik Abd. Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kejatuhan harga kelapa dan kenaikan sara hidup yang pesat sekarang telah menyebabkan pekebun-pekebun kelapa menghadapi kesulitan sama ada Kerajaan memberi subsidi kepada pekebun-pekebun kecil untuk membantu mereka mengurangkan kesulitan mereka.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhat Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kejatuhan harga kelapa dan kenaikan sara hidup telah menyebabkan pekebun-pekebun kecil menghadapi kesulitan. Kejatuhan harga ini adalah sesuatu yang tidak terkawal oleh negara kita kerana keadaan ini berpunca daripada keadaan ekonomi dunia pada masa ini. Memandangkan bahawa kelapa tidak dapat memberikan hasil yang

lumayan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa, maka Kementerian saya telah mengambil langkah untuk mengubah strategi lagi di kawasan-kawasan kelapa dengan tidak memberi keutamaan kepada tanaman kelapa, tetapi lebih menggalakkan tanaman yang dapat memberi hasil yang tinggi daripada kelapa. Kerajaan tidak memberi subsidi selain daripada bahan-bahan input dengan adanya program-program tanaman-tanaman lain dan kelapa menjadi selingan serta program ternakan haiwan dan ternakan air, maka akan mewujudkan sistem tanaman bersepadu yang mana hasil pertanian di kawasan-kawasan pekebun kecil kelapa menjadi lebih tinggi daripada tanaman kelapa sahaja.

Kementerian saya juga menggalakkan tanaman-tanaman kontan di ladang kelapa untuk mempelbagaikan pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa. Di samping itu benih-benih yang mengeluarkan hasil yang lebih tinggi seperti benih mawar adalah diedarkan untuk menambahkan pengeluaran hasil.

Dari segi pemasaran Kementerian saya melalui FAMA sedang menyertai di dalam pembelian kelapa dan kelapa kering untuk memudahkan pekebun-pekebun menjual hasil mereka melalui pusat-pusat memproses kelapa kering di Johor, Selangor, Perak, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Pusat-pusat itu menawarkan harga yang berpatutan sejajar dengan pasaran.

Untuk mengurangkan amalan-amalan tidak adil FAMA juga menguatkuasakan rancangan pelesenan supaya pekebun-pekebun tidak mengalami kerugian dari itu. Lawatan dan pemeriksaan oleh FAMA di atas kegiatan-kegiatan orang tengah melalui rancangan ini mengurangkan amalan-amalan tidak adil ini. Dengan usaha ini bukan sahaja di bidang pengeluaran, tetapi

juga di dalam pemasaran. Saya yakin bahawa kesan turun harga ini telah dapat dihadkan.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Di antara rancangan-rancangan yang akan dibuat oleh Kerajaan bagi menjaga harga kelapa ini, tidakkah dapat rancangan sepertimana yang tersiar dalam suratkhbar bahawa setengah-setengah negeri di dalam ASEAN ini memperluaskan penggunaan minyak kelapa sebagai minyak disel. Jadi soalnya adakah atau tidak rancangan seperti ini bagi membolehkan harga kelapa meningkat.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum lagi mencadangkan program sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar Timbalan Menteri Pertanian mengatakan bahawa FAMA membeli kelapa kering daripada negeri-Perak, Johor dan lain-lain lagi. Jadi, di sini ingin saya menanyakan Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah pihak FAMA bercadang hendak membuat kilang-kilang seperti kilang minyak untuk kelapa-kelapa kering ini diproses untuk dijadikan minyak dan juga untuk dieksport keluar negeri.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, tujuan pertama pihak FAMA ialah untuk menolong para pekebun-pekebun kecil supaya mereka dapat menyalurkan pengeluaran hasil tanaman kelapa mereka dalam beberapa tahun yang sudah sampaikan setakat ini, tetapi walau bagaimanapun perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan oleh kerana sesuatu projek yang dirancangan oleh Kerajaan haruslah diteliti dengan baik dahulu, sama ada rancangan itu akan memberi keuntungan kepada negara.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa harga minyak kelapa tetap mahal—tak murah, tetapi sebaliknya kelapa sendiri murah, kenapa? Kebiasaannya kalau kelapa murah hasil daripada kelapa, iaitu minyak tentu murah tetapi kenapa minyak kelapa mahal?

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tentu sedar tetapi mungkin beliau mahu tanya sahajalah. Kelapa ini bila kita kilangkan kelapa kering itu mengambil minyak kita menggunakan mesin, mesin ini menggunakan minyak dan juga para pakar-pakar serta man power, jadi bukan minyak kelapa kita ambil perah begini sahaja—tak! (*Ketawa*). Jadi tentulah mahal harga minyak kelapa ini bila sudah diproses oleh kerana kosnya mahal (*Ketawa*).

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dinyatakan bahawa FAMA sebagai sebuah organisasi untuk memasarkan buah-buah kelapa daripada pekebun-pekebun kelapa. Ingin saya bertanya setakat manakah kekesanan peranan yang dimainkan oleh FAMA bagi membeli buah-buah kelapa dan seterusnya memasarkan buah-buah kelapa tersebut. Saya berkata demikian kerana di kawasan saya pekebun-pekebun kelapa terutamanya bersungut menyatakan bahawa FAMA tak mahu masuk ke kebun-kebun kelapa untuk membeli buah kelapa, kemudian FAMA ini pula memilih membeli hanya buah kelapa yang besar sahaja, buah kelapa kecil tak mahu beli.

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan Yang Berhormat ini ada bersangkutan dengan peranan FAMA bahawa FAMA itu kata beliau tidak membeli mana-mana buah kelapa yang dijual oleh para pekebun-pekebun kecil kita, saya ingat inipun satu langkah yang bijak oleh

kerana kalau mengikut pengetahuan saya sekarang FAMA sudah membelanjakan berjuta-juta ringgit menolong para pekebun-pekebun kecil, khasnya pekebun-pekebun kecil kelapa untuk membeli buah-buah kelapa mereka dan juga sukar sekali bagi FAMA untuk mengeksport kelapa-kelapa tersebut dan FAMA sekarang mempunyai stok yang begitu banyak oleh kerana kejatuhan harga di pasaran antarabangsa. Jadi saya ingat tuduhan Ahli Yang Berhormat mengatakan FAMA itu pilih-pilih mana buah kelapa yang kecil tidak beli, dia pilih-pilih yang besar-besar sahaja, itu pun saya ingat satu langkah yang bijak juga oleh kerana kalau kita tidak membuat pemilihan yang teliti nanti kita beli-beli sebarang, yang kurang tua ataupun kelapa muda pun kita beli juga itu tak betul (*Ketawa*), tetapi kita mengambil perhatian terhadap perkara itu.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebut bahawa pihak FAMA sedang mengedarkan benih-benih kelapa daripada benih mawar. Saya ingin soal bolehkah dibatalkan sahaja rancangan ini memandangkan kalau kita beri benih mawar pun maka hasil daripada benih mawar yang begini banyak akan menimbulkan masalah juga kepada rakyat. Batalkan sahaja rancangan ini dan gantikan dengan rancangan lain.

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu mendengar betul-betul jawapan soalan ini yang saya katakan dari mula tadi yang mengatakan bahawa tak ada lagi Kementerian akan menggalakkan subsidi ataupun bantuan atas rancangan tanaman kelapa, bahkan Kementerian sekarang sedang mengkaji mencari daya usaha bagaimana mencari jenis tanaman yang lebih berhasil lagi daripada tanaman kelapa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan yang penghabisan.

Datuk Alfred Jabu Anak Numpang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pada luasnya kawasan di Sarawak yang sesuai untuk menanam kelapa dan memandangkan tidak berapa banyak pusat-pusat pembelian yang diuruskan oleh FAMA bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada langkah Kementerian Pertanian ingin memperluaskan bibit-bibit yang mengeluarkan hasil yang tinggi dianggap, satu disebabkan jenis mawar ataupun jenis-jenis lain akan ditambahkan untuk Jabatan Pertanian Sarawak supaya ramai lagi proses perkilangan ataupun pusat-pusat pembelian diuruskan oleh FAMA dapat ditubuhkan ataupun ditambahkan lagi anggota-anggota FAMA supaya pekebun-pekebun kecil dapat hasil yang dapat menambahkan hasil yang biasa daripada ladang-ladang mereka.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan awal tadi bahawa Kementerian ini tidak menggalakkan rancangan tanaman kelapa begitu meluas sebagaimana yang telah diadakan dalam tahun-tahun yang telah lampau tetapi apa yang kita buat sekarang iaitu kita hanya menolong para pekebun-pekebun kecil yang sudah pun melibatkan diri dalam tanaman kelapa ini dalam tahun-tahun sudah. Sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya kilang memproses minyak kelapa di Sarawak haruslah ditambahkan lebih banyak lagi daripada yang sedia ada sekarang kita akan ambil perhatian terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk pertanyaan-pertanyaan.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 5 dan No. 10 hingga 21 adalah diberi di bawah ini)

PEGAWAI KERAJAAN CERGAS DALAM POLITIK

1. Wan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar tentang terdapatnya pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan A yang mengambil bahagian cergas dalam politik. Jika sedar apakah tindakan yang telah dan akan diambil.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya sedar bahawa ada beberapa orang pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan A yang telah mengambil bahagian cergas di dalam politik. Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap mereka dengan meminta mereka memutuskan sama ada ingin meletakkan jawatan atau berhenti dari aktif dalam politik. Tindakan tatatertib boleh diambil mengikut Perintah Am Bab 'D' 1980, jika mereka tidak patuh kepada peraturan.

MAJUTERNAK—HARGA DAGING DI PASAR UMUM

5. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga daging lembu masih mahal dan dengan pembubaran MAJUTERNAK harganya akan lebih tinggi kerana kurang persaingan dalam penjualan daging lembu jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menurunkan harganya dan sama ada Kerajaan sedang menjalankan usaha supaya negara kita mencukupi daging lembu.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Saya sedar akan harga daging di pasar-pasar umum, tetapi harga daging keseluruhan adalah berpatutan. Perbezaan harga di

antara negeri-negeri Utara dan Selatan, luar bandar dan dalam bandar adalah mengikut aliran yang biasa berlaku. Kenaikan harga daging adalah mengikut kaedah kenaikan harga barangan-barangan yang lain, dan tidak berlebihan.

Pembubaran MAJUTERNAK tidak memberi kesan yang menyeluruh ke atas harga daging kerana penglibatan MAJUTERNAK dalam bekalan daging adalah terhad kepada kawasan Lembah Kelang (termasuk Kuala Lumpur) dan bandar-bandar Kuantan, Johor Bharu, Seremban, Ipoh dan Melaka. Sebaliknya dengan pembubaran MAJUTERNAK, pasaran daging adalah terbuka kepada semua peniaga. Ini memberi peluang persaingan yang sihat di antara pengusaha-pengusaha dan pengimpot-pengimpot daging dan membuat harga daging antara barangan yang paling stabil. Kementerian Pertanian sedang memperluaskan usaha-usaha memperlakukan secara kecil-kecilan bandar. Berbagai galakan diberikan kepada petani-petani termasuk subsidi ternakan lembu, tanaman rumput, perkhidmatan pembiakan, kawalan penyakit dan lain-lain termasuk kestabilan harga pasaran.

DOKTOR MELETAKKAN JAWATAN

10. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali minta Menteri Kesihatan sama ada beliau sedar bahawa ramai di antara doktor kita keluar dari perkhidmatan kerajaan kerana tangga gaji dan layanan yang kurang memuaskan. Jika sedar, apakah tindakan bagi mengatasi hal ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Saya sedar bahawa dari masa ke semasa doktor-doktor meletakkan jawatan dari Perkhidmatan Awam atas alasan-alasan peribadi, sama ada untuk membuka klinik mereka sendiri ataupun untuk berkhidmat dengan

hospital-hospital persendirian. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, para doktor adalah dikehendaki memberikan perkhidmatan wajib kepada Kerajaan untuk tempoh tiga tahun selepas mereka didaftarkan dalam negara ini. Sebilangan daripada mereka terus berkhidmat dengan kita selepas tempoh perkhidmatan wajib ini tamat, manakala yang lainnya pula keluar meninggalkan perkhidmatan kerajaan.

Tanggagaji doktor-doktor sekarang ialah sebahagian daripada struktur gaji keseluruhannya yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji yang telah diterima oleh Kerajaan untuk dilaksanakan. Sebarang perubahan kepada tanggagaji ini akan melibatkan jua perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain.

Kementerian Kesihatan menyedari masalah-masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor, terutamanya dalam masa kekurangan doktor-doktor sekarang ini. Kita sedang melakukan apa yang boleh untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan mereka. Ini termasuklah peluang-peluang latihan dan kenaikan pangkat khasnya, agar doktor-doktor mempunyai prospek yang lebih cerah dalam bidang kerjaya pilihan mereka ini. Bilangan jawatan-jawatan tingkatan-tertinggi dan jua bilangan biasiswa-biasiswa latihan untuk kelulusan tinggi telahpun ditambah.

SOCISO—GANTIRUGI KEPADA PEKERJA

11. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

(a) Sama ada beliau sedar bahawa SOCISO tidak dijalankan sebagaimana tujuannya; SOCISO telah dirangkakan bahawa seseorang yang terlibat dalam kemalangan tidak dapat didakwa di bawah undang-undang biasa

atau common law. Ini telah mengambil hak asasi seseorang pekerja yang telah menderita dalam menjalankan tugasnya. Bolehkah SOCSO ditinjau semula agar jika sekiranya ada gantirugi yang tidak adil, seseorang yang menderita boleh mencari jalan di bawah undang-undang biasa; dan

- (b) Bilakah Menteri akan mengambil langkah-langkah untuk meninjau semula SOCSO agar pekerja-pekerja yang telah menderita dalam menjalankan tugasnya akan dibayar satu gantirugi yang adil dan lumayan?

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Mak Hon Kam):

- (a) Adalah tidak benar sama sekali jika dikatakan PERKESO tidak berjalan sebagaimana yang dirancangan semata-mata atas sebab seseorang yang terlibat dalam kemalangan tidak boleh mendakwa di bawah undang-undang biasa atau "common law". Sebenarnya orang yang terlibat itu hanya tidak boleh mendakwa majikannya sendiri tetapi boleh mendakwa pihak yang ketiga. Sebagai contoh, jika seorang pekerja itu diarah oleh majikannya menghantar barang ke sesuatu tempat dan dalam perjalanan itu ia dilanggar oleh sebuah bas, pekerja itu bebas mendakwa syarikat bas yang berkenaan di bawah undang-undang biasa atau "common law". Adalah tidak menasabah jika pekerja itu boleh mendakwa majikannya yang telah mengarahnya menghantar barang tersebut. Perlu diambil ingatan bahawa di bawah skim PERKESO pihak majikan yang dikehendaki membuat caruman kepada PERKESO.
- (b) Mengenai bahagian kedua pertanyaan Ahli Yang

Berhormat itu, Kementerian saya telahpun mendapat perkhidmatan seorang aktuari untuk mengkaji semula skim-skim PERKESO dengan tujuan memastikan kadar pampasan yang dibayar adalah seimbang dengan keadaan semasa. Kementerian saya sedang menunggu laporan aktuari yang dijangka akan siap tidak berapa lama lagi.

KEWARGANEGARAAN-BILANGAN

12. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kes-kes kewarganegaraan yang telah dihantar bagi proses pentadbiran penjelasan di bawah Artikel 30 dalam perlembagaan untuk:

- (a) Yang masih hendak dijelaskan lagi;
 (b) Yang telah dijelaskan betul dan sah;
 (c) Yang telah ditolak.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa Hitam):

Kedudukan kes-kes kewarganegaraan di bawah Perkara 30 Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Bilangan kes-kes kewarganegaraan yang masih lagi belum didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara sehingga sekarang ialah 116,617.
 (ii) Kes-kes kewarganegaraan yang telah disemak dan didapati teratur berjumlah 142,978
 (iii) Kes-kes kewarganegaraan yang telah disemak dan didapati teratur ialah 15,925.

DASAR PANDANG KE TIMUR

13. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan sama ada apa-apa langkah yang positif

telah diambil atau gerakan yang telah dilancarkan untuk menanamkan semangat tanggungjawab disiplin dan ketekunan bagi rakyat kita supaya mencapai dasar pandang ke Timur, dan jika benar apakah langkah-langkah atau gerakan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan memang telah mengambil beberapa langkah positif bagi menambah semangat, disiplin dan ketekunan rakyat, sesuai dengan dasar melihat ke Timur yang telah dilancarkan. Salah satu darinya ialah menerangkan maksud dasar itu sendiri supaya tidak diputar belitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Dasar itu tidak bererti rakyat Malaysia mesti meniru cara hidup masyarakat Jepun atau Korea Selatan, tetapi mencontohi etika kerja dan daya penghasilan mereka melalui penggunaan teknologi-teknologi moden.

Langkah-langkah tegas telah dan sedang dijalankan untuk menambah penghasilan kerja di sektor awam, swasta dan rakyat seluruhnya, seperti melaksanakan konsep pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah, meninggikan mutu latihan dalam perkhidmatan supaya lebih sesuai dengan semangat dan cita-cita meninggikan prestasi perkhidmatan awam, menghantar lebih ramai pelajar-pelajar untuk mengikuti latihan perusahaan dan teknik di negeri Jepun dan Korea. Begitu juga halnya dengan seruan Kerajaan supaya pengurus-pengurus di Sektor Awam dan Swasta mempelajari lebih banyak prinsip serta teknik-teknik pengurusan dari Jepun.

Masyarakat Jepun dan Korea Selatan telah mencapai kemajuan yang membimbangkan negara-negara Barat sendiri. Mereka sendiri sudah mulai belajar dari negara-negara Timur itu. Oleh yang demikian, dengan dasar melihat ke Timur, rakyat Malaysia bukan sahaja harus mencontohi kemajuan di negara-negara itu, tetapi

juga melihat ke dalam diri sendiri sebagai rakyat salah sebuah negara Timur yang sedang melangkah maju. Hasrat kita ialah untuk mengambil tempat yang sewajarnya di sisi negara-negara Timur yang sudah maju itu supaya disegani dan dihormati.

MUKTAMAR NEGARA-NEGARA ISLAM

14. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang hendak menganjurkan sebuah MUKTAMAR peringkat tertinggi Negara-negara Islam bagi membincangkan langkah-langkah dan strategi dalam menghadapi gelombang kebangkitan Islam dengan tujuan untuk menerap dan melaksanakan konsep masyarakat dan perundangan Islam dalam negara masing-masing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohammad bin Nasir): Saya berpendapat tidak perlu diadakan Muktamar tertinggi Negara-negara Islam untuk tujuan yang dinyatakan pada ketika ini, oleh kerana memang terdapat beberapa organisasi antarabangsa yang sedia ada seperti:

- (i) Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (Organisation of Islamic Conference (OIC); yang bertujuan di antara lain untuk memupuk perpaduan di antara negara-negara Islam; menentang penjajahan dan mewujudkan kerjasama di kalangan Negara-negara Islam dalam bidang ekonomi, sosial, sains dan kebudayaan dan lain-lain.

Rumusan-rumusan telahpun dikemukakan hasil dari pelbagai persidangan yang diadakan yang boleh kita jadikan panduan secara umum.

JALANRAYA BEAUFORT/ SINDUMIN

15. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam

menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalanraya Beaufort/Sindumin yang digunakan oleh sebilangan besar penduduk-penduduk di kawasan itu adalah di dalam keadaan buruk dan rosak; jika sedar, apakah rancangan Kementerian berkenaan untuk membaiki ataupun mengaspal jalanraya tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Jalan raya di antara Beaufort/Sindumin ini adalah jalan tanah merah yang belum lagi ditarkan tetapi keadaannya tidak begitu buruk. Kerajaan telah membuat kajian kemungkinan dalam tahun 1979-80 bagi menaikkan taraf jalan ini dan diikuti oleh satu kajian kejuruteraan yang terperinci. Kajian kejuruteraan ini telah juga selesai, akan tetapi tertakluk kepada kedudukan kewangan. Sementara itu kerja-kerja membaiki jalan di tempat-tempat yang rosak memang dijalankan dari semasa ke semasa, misalnya, dalam tahun 1978-80 sejauh 27.2 kilometer (17 batu) telah diperbaiki.

JENAYAH—TINDAKAN MEMBENTERAS

16. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada umumnya keadaan jenayah di hampir semua bahagian dalam negara, terutamanya Kuala Lumpur, semakin bertambah buruk, jika sedar, apakah langkah yang telah diambil untuk menjernihkan suasana itu.

Dato Musa Hitam: Adalah tidak benar mengatakan bahawa kejadian jenayah di seluruh negara semakin bertambah buruk. Angka-angka kejadian jenayah yang dilaporkan menunjukkan bahawa pada tahun 1981 telah berkurangan sebanyak 0.3% jika dibandingkan dengan jumlah kejadian jenayah dalam tahun 1980. Kerajaan sedar bahawa terdapat

kenaikan kadar kejadian jenayah di kawasan Kuala Lumpur sehingga bulan Ogos tahun ini sebanyak 7.4% jika dibandingkan dengan jangkamasa yang sama tahun 1981. Di antara kejadian jenayah yang bertambah adalah kes pecah rumah dan curi.

Pihak polis terus menjalankan tindakan-tindakan membenteras jenayah. Antara tindakan-tindakan yang akan terus dijalankan ialah:-

- (i) Meningkatkan serbuan-serbuan mengejut dan membuat pemeriksaan yang rapi di tempat-tempat yang disyaki sebagai sarang penjenayah.
- (ii) Memperhebatkan lagi rondaan-rondaan di kawasan-kawasan yang selalu berlakunya jenayah.
- (iii) Di tempat-tempat yang mana perniagaan yang melibatkan wang tunai dan barang-barang seperti bank dan kedai-kedai emas, pengawasan dan rondaan yang lebih rapi akan diadakan oleh polis beruniform dan yang tidak beruniform. Mereka akan dibekalkan dengan senjatapi yang lengkap.
- (iv) Mengadakan dialog dengan pengurus-pengurus Kedai Emas, Bank dan Syarikat-syarikat Swasta lain untuk mewujudkan kesedaran keselamatan dan memberi nasihat cara-cara mencegah jenayah.
- (v) Mendapatkan kerjasama yang lebih erat dari RELA dan Badan-badan Awam lain untuk membantu Polis dalam usaha membenteras jenayah.
- (vi) Mengadakan Mesyuarat Perancang Mencegah Jenayah hingga ke peringkat Balai untuk mengkaji,

merancang dan melancarkan tindakan yang sesuai untuk membenters jenayah.

Di samping itu langkah-langkah jangka panjang yang berikut adalah juga sedang dilaksanakan:

- (i) Memperbesarkan dan memperkemaskinikan Jabatan Siasatan Jenayah, khasnya cawangan Anti-Dadah kerana dadah adalah didapati merupakan salah satu punca berlakunya perbuatan-perbuatan jenayah.
- (ii) Di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Seremban dan lain-lain pihak polis akan memperkenalkan rondaan motosikal ala "CHIPS" ataupun KONMAS (Konstabel Masyarakat) lengkap dengan alat-alat hubungan radio di samping rondaan yang dilakukan oleh kereta peronda berjalan seperti biasa. Rondaan Polis berjalan kaki juga terus diadakan.

TAR ATAS JALAN TELUPID DAN JALAN BELURAN

17. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian tersebut bercadang untuk membubuh tar Jalan Telupid ke Sandakan dan Jalan Beluran ke Sandakan.

Dato' Dr. Nik Hussein bin Abdul Rahman: Kajian kemungkinan dan kajian Kejuruteraan telahpun dibuat bagi menaikkan taraf jalan di antara Telupid dengan Sandakan. Adalah di jangka bahawa kerja-kerja atas jalan ini akan dimulakan dalam tahun hadapan sekiranya peruntukan dapat diadakan melalui pinjaman daripada Bank Dunia. Bagi jalan Beluran ke Sandakan pula, tidak ada cadangan menaikkan tarafnya pada masa ini

oleh kerana ia bukanlah satu jalan utama dan masih elok untuk digunakan.

SEMPADAN NEGERI-NEGERI

18. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan bagi mengelakkan pertikaian antara sesebuah Negeri dengan yang lainnya di Malaysia mengenai sempadan yang wujudnya menurut peristiwa sejarah, sama ada beliau bercadang hendak mengadakan perjumpaan atau perbincangan mengenainya dan jika sebarang persetujuan telah dicapai mengenainya, jika ada, sila nyatakan butir-butirnya.

Dato' Haji Mohammad bin Nasir: Soalan yang bermaksud sama seperti soalan ini telahpun saya jawab semalam dalam Dewan ini dan saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

PAMPASAN PEKERJA LOMBONG BIJIH TIMAH

19. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan sedar akan kemusykilan-kemusykilan yang sedang dihadapi oleh perusahaan lombong bijih timah cara 'gravel pump' terutama sekali dalam hal wajib membayar 'termination benefits' kepada pekerja ketika mahu menghentikan lombong; jika ya, minta Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menolong pengusaha-pengusaha itu tanpa mengenenepikan kepentingan pekerja-pekerja.

Dato' Mak Hon Kam: Pembayaran faedah-faedah di bawah Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan Dan Rentikerja Sentara) 1980, adalah satu undang-undang yang meliputi semua majikan di setiap sektor perusahaan. Tujuan utama Peraturan-peraturan tersebut adalah untuk melindungi pekerja-pekerja

dengan cara memperuntukkan pampasan kepada pekerja-pekerja yang ditamatkan perkhidmatan lebih awal dari yang dijangkakan. Pembayaran-pembayaran seperti itu adalah merupakan penghargaan kepada pekerja-pekerja atas perkhidmatan mereka yang telah lalu yang disumbangkan kepada majikan-majikan mereka dan juga sebagai bantuan kewangan untuk mereka memulakan kehidupan baru. Kadar pembayaran yang ditentukan di bawah Peraturan-peraturan berkenaan adalah pada masa ini, didapati menasabah dan berpatutan.

Berhubung dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha lombong, pihak Kerajaan sedang memberi perhatian dan mengkaji langkah-langkah yang perlu diambil.

SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN MALINSAU

20. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk membina sebuah Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) di Malinsau, Sugut di dalam Daerah Beluran.

Dr Tan Tiong Hong: Di dalam tempuh Rancangan Malaysia Keempat ini Kementerian Pelajaran tiada mempunyai rancangan untuk membina sebuah Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) di Malinsau, Sugut di dalam daerah Beluran, Sabah.

Walau bagaimanapun, sebuah Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) yang lengkap dengan kemudahan asrama akan dirancang di Kaingaran yang berdekatan dengan Malinsau di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Projek Sekolah Menengah Kerajaan di Kaingaran ini akan dapat juga digunakan nanti oleh penuntut-penuntut di Malinsau, Sugut.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH

21. Dr Koh Tsu Koon: minta Menteri Pelajaran menyatakan, selain daripada kekurangan guru dan bilik darjah, apakah kelemahan-kelemahan atau masalah-masalah utama yang telah timbul dari percubaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) di 302 buah sekolah pada tahun 1982 ini, terutamanya di sekolah-sekolah di kawasan desa, kampung-kampung baru dan ladang-ladang getah dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini sebelum KBSR dilaksanakan dengan sepenuhnya di peringkat darjah satu di semua sekolah rendah pada tahun depan (1983).

Dr Tan Tiong Hong: Melalui pengesanan ke atas 302 buah sekolah yang melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 ini didapati pada umumnya bahawa beban guru untuk menyediakan bahan-bahan tambahan bagi keperluan pengajaran dan pembelajaran adalah berat. Selain daripada itu pada peringkat permulaan pelaksanaan kurikulum ini terdapat sebilangan guru yang agak kurang berkeyakinan untuk menjalankan pengajaran dengan menggunakan cara-cara yang dicadangkan di dalam buku-buku panduan yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran.

Bagi mengatasi masalah beban guru ini Kementerian Pelajaran telah dan akan mengambil langkah untuk menambahkan bilangan guru bagi kelas-kelas Kurikulum Baru Sekolah Rendah di sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukannya. Selain daripada itu Jawatankuasa Kurikulum Baru Sekolah Rendah di peringkat sekolah telah ditubuhkan di bawah pengawasan guru besar yang di anggotai bukan sahaja oleh guru-guru yang mengajar Kurikulum Baru

Sekolah Rendah tetapi juga oleh guru-guru lain bagi mengatasi masalah beban guru di sekolah masing-masing. Di antara usaha-usaha Jawatankuasa ini ialah menyediakan secara berkumpulan bahan-bahan tambahan bagi keperluan pengajaran dan Pembelajaran.

Kementerian Pelajaran juga telah memberikan peruntukan wang yang cukup kepada Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri untuk membantu sekolah-sekolah, terutamanya sekolah-sekolah yang kurang mampu, membeli bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Bantuan dalam bentuk buku bacaan juga telah diberikan kepada sekolah-sekolah.

Bagi mengatasi masalah keyakinan guru pula, bimbingan-bimbingan yang berterusan telah, sedang dan akan diberikan kepada guru-guru melalui lawatan-lawatan, perjumpaan-perjumpaan dari semasa ke semasa dan bengkel-bengkel yang diadakan pada hujung minggu yang melibatkan guru-guru, kakitangan penting dan pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Negeri dan/atau Pejabat Pelajaran Daerah.

Selain daripada itu Jawatankuasa pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang telah ditubuhkan pada peringkat daerah, negeri dan pusat telah, sedang dan akan mengesan dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi sebarang masalah yang timbul.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN KECIL (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KE BAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam.” (12hb Oktober, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

3.41 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris sekali lagi. (Dengan izin) Sir, I speak in support of the amendment made to the Motion of Thanks to His Majesty for the Royal Address, proposed by the Member for Kota Melaka. He touched on the fact that there is no policy on Indonesian illegal immigrants.

It is also an undeniable fact that in Malaysia today the Indonesian illegal immigrants have become a very dangerous and extensive social problem. In the landing points, for instance, somewhere in Johore—from Pontian to Minyak Kuku—40-50 miles of coastline, they come in droves in boats, and in Sabah it is mostly in Sandakan, and then they filter out, travelling northward into Peninsular Malaysia.

The fact that the crime rate has something to do with the Indonesian illegal immigrants was pointed out by the Chief Police Officer of Johore about two years ago in a press conference; and the Inspector-General of Police of Malaysia, Tan Sri Haniff Omar in a press conference made on the 14th of June, 1982 in Sandakan, talking about crime increase in Sandakan, said—this is a press cutting, Tuan Yang di-Pertua:

“Serious crimes of murder, robbery and rape have increased from a 39% increase in 1979 over the previous year to 46% in 1980 and to 50% last year (1981).”

On whether the presence of large numbers of refugees in Sandakan was hinged to the upsurge of criminal activities, he said, “I don’t know.” However, he pointed out that the crime rate had much to do with the pace of development and the influx of migrant labour.

Now, this is quite a related issue connected with the Indonesian illegal immigrants. For instance, in Johore Tenggara, all along the FELDA schemes, I am given to understand, there must be thousands of Indonesian illegal immigrants working on the schemes; and on the highway between Johore and Pahang, from Segamat to Kuantan passing through the Karatong area, the schemes also have some numbers of Indonesian illegal migrant labourers—in fact dubbed by one of the Deputy Ministers as “phantom

workers”. You find, for instance—I am relating what somebody has pointed out to me and I am sure if it is not true, the Yang Berhormat Minister can deny it—that in the FELDA Head Office in Kuala Lumpur there is actually an office set up to look after these Indonesian illegal immigrants. So what are we looking at? We are looking at not just a case of refugees’ problem, but a case of labour supply problem as well. I have to ask this House whether we are so short of manpower, we are so short of labourers? Are we developing so fast that we can’t find local labourers that we have to tolerate these foreign illegal immigrants to work on our farms, because they are outside the law really, they are “underground” and there is no check or control over them, and hence the special instance of increase in crime rates. In fact, I think, recently in the national capital of Kuala Lumpur, in the Chow Kit Road area, there was a problem involving the illegal hawkers. It was pointed out that some illegal hawkers were also illegal Indonesian immigrants and there was some talk, in the newspapers at least, about them being controlled by syndicates. So I wonder whether there are syndicates or “godfathers” working in this country, getting labour from foreign countries, importing these illegal labourers into the country so that the greedy, selfish towkays can hire them at a pittance and ultimately contributing towards the destruction of our social stability and our internal security.

I also remember that the ex-Head of State of Penang, Tun Haji Sardon bin Haji Jubir, was reported to have been robbed by a few Malays with heavy Indonesian accent and I wonder again whether the Government will not take action until the Home Affairs Minister himself has been robbed by the Indonesian illegal immigrants.

On this note, therefore, I want to voice my support in favour of the amendment moved by the Member for Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa Usul ini dipinda dengan perkataan-perkataan yang tersebut:

“dan dengan mengambil ingatan masalah undang-undang dan ketenteraman awam yang diakibatkan oleh samun-samun bersenjata dan pembunuhan-pembunuhan, menggesa Kerajaan mengambil tindakan ke atas pendatang-pendatang haram Indonesia dengan menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas (Illegal Indonesian Immigrants) untuk menghentikan kebanjiran pendatang-pendatang haram Indonesia.”

sekarang terbuka untuk dibahaskan.

3.46 ptg.

Tuan Hassan Albah bin Haji Sandukong (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai Ahli-ahli yang lain untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat bercakap di atas pindaan. Sekarang yang dibuka untuk dibahaskan ialah pindaan seperti yang saya bacakan tadi, bukan Usul asalnya tetapi Usul yang telah pun dipohon pinda.

3.47 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menentang Usul (Pindaan) yang dibawa oleh Wakil dari Kota Melaka kerana Usul tersebut hanya dimaksudkan kepada pendatang-pendatang daripada

Indonesia, tetapi sebarang pendatang haram yang datang ke negara kita ini juga tidak dibenarkan. Jadi pindaan itu tidak boleh diterima kalau dikhaskan kepada Indonesia sahaja dan kita mempunyai ramai pendatang-pendatang haram, mungkin daripada Vietnam, daripada Thailand, daripada Kampuchea dan beberapa tempat di dalam negara ini. Jadi kalau Usul ini dibawa hanya merupakan satu pandangan sahaja iaitu Wakil dari Kota Melaka ini mempunyai sentimen bahawa imigran daripada Indonesia itu ialah orang Melayu tetapi dia terlupa bahawa banyak imigran-imigran yang datang ke negara kita ini daripada negara-negara lain. Jadi saya menentang cadangan ini dan jika sekiranya cadangan ini dibuat pindaan atau diberi pindaan ke atas cadangan pindaan kepada “sebarang pendatang haram tidak dibenarkan datang ke negara kita ini termasuk daripada negara-negara lain”. Jadi sebab itu saya menentang cadangan yang dibawa oleh Wakil dari Kota Melaka.

3.49 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut membahaskan cadangan pindaan kepada Usul Ucapan Terima Kasih dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang pada petang semalam. Saya juga turut membangkang di atas pindaan yang dibawa khas ini kerana memandangkan bahawa keadaan undang-undang dan kawalan ketenteraman awam di negara kita ini telahpun sedia ada dan melengkap dan berkemampuan. Cuma apa yang harus menjadi perhatian sekarang ini ialah tindakan yang lebih berkesan dapat diambil dan seruan ini haruslah menjadi perhatian oleh pihak Kerajaan sendiri dalam melaksanakan kekuasaan undang-undang yang ada untuk membentasi segala masalah-masalah yang berbangkit bukan sahaja khusus di atas sesuatu keadaan tetapi

meliputi di atas semua keselamatan di negara kita.

Yang keduanya juga, Tuan Yang di-Pertua, saya membangkang cadangan ini kerana tidak nampak logiknya di atas perlunya menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas. Seperti yang saya katakan tadi bahawa keadaan keselamatan di negara kita sekarang ini masih dapat dikawal dengan kemampuan dan kekuasaan undang-undang yang sedia dan dengan itu tidak perlulah kita tergesa-gesa dan begitu panik sekali dengan masalah-masalah yang timbul ini sedangkan jalan penyelesaian dan kemampuan kita masih ada dan berkemampuan menyelesaikannya. Kecuali apabila keadaan sehingga tidak dapat lagi mewujudkan keadaan dan ketenteraman untuk awam dan kemampuan bagi pihak berkuasa untuk mengatasinya maka kemungkinanlah pada keadaan dan ketika itu masalah ini perlu diambil perhatian segera dan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya membangkang di atas usul ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mengambil masa sedikit menyentuh satu dua point sahaja untuk menggulung?

Tuan Yang di-Pertua: Saya memikirkan Yang Berhormat, bahawa Peraturan 35 (3) (c), ahli boleh bercakap sekali sahaja melainkan pencadang yang mengeluarkan usul substantive, usul persendirian. Kerana menjawab kepada hujah-hujah yang dikeluarkan dalam perbahasan kita itu bagi pencadang sesuatu usul bersendirian, 35 (1) (c). Yang demikian saya tidak benarkan Yang Berhormat itu menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah adakah Ahli dari Barisan Nasional ambil perhatian

yang berat, mana itu majoriti yang besar—UMNO, MCA, MIC sudah pergi ke mana? Bukankah ini satu masalah yang serius? Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional sekarang sudah lari daripada tanggungjawab. *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu bukan satu perkara out of order dan Yang Berhormat tidak patut berkelakuan demikian di dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh yang demikian, Ahli-ahli dari Barisan Nasional tidak bertanggungjawab. Satu perkara yang begitu serius, mereka tidak mahu mengambil perhatian yang berat. Apa guna dalam Dewan ini, apa guna dapat majoriti yang besar? *(Disampuk)*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta jangan melakukan perbuatan itu sekali lagi. Kalau tidak, saya akan gunakan kuasa saya sebagai Yang di-Pertua. *(Tepuk)*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa usul ini dipinda dengan perkataan-perkataan

“dan mengambil ingatan masalah undang-undang dan ketenteraman awam yang diakibatkan oleh samun-samun bersenjata dan pembunuhan, menggesa Kerajaan mengambil tindakan ke atas pendatang-pendatang haram Indonesia dan menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas Illegal Indonesia Immigrants untuk hentikan kebanjiran pendatang-pendatang haram Indonesia.”

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan tidak disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita balik kepada Usul asal untuk dibahaskan.

3.54 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan saya menyokong usul yang dibawa atas nama Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau bagi mempersembahkan ucapan junjung kasih kepada kebawah Duli Yang Maha mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana titahnya kepada Dewan ini pada hari Isnin yang lalu.

Titah tersebut ternyata telah mendapat sambutan yang hebat dan akan menjadi garis petunjuk yang berguna kepada rakyat dan kepada Kerajaan di dalam menjalankan tugas masing-masing. Seluruh rakyat adalah menyambut baik titah yang bernas itu kecuali Ahli-ahli dari DAP. Semalam kita telah mendengar ucapan Ketua DAP dalam Dewan ini dan seperti biasa ucapan tersebut mengandungi penuh nada seorang pessimist yang ketinggalan zaman, yang kehilangan kepercayaan rakyat. Ucapan yang lahir dari seorang pemimpin yang putus asa apabila melihat kerusi partinya kuncup di dalam Dewan ini dari 16 kepada hanya 6 kerusi dalam Parlimen sekarang. Kekalahan teruk DAP dalam pilihanraya bulan April lalu tidak syak lagi telah menyebabkan Ketua DAP itu merasa frust sehingga berkelakuan tidak selayaknya sebagai seorang Ketua Pembangkang di dalam Dewan ini dan tidak syak lagi kekalahan itu mencerminkan rasa bosan rakyat terhadap kepimpinan chauvinist dan perkauman DAP. Tidak ada lain tafsiran yang boleh dibuat daripada kekalahan besar DAP ini selain daripada hakikat bahawa kepercayaan rakyat Malaysia terhadap Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah semakin meningkat berkat daripada kepimpinan dinamik 2M serta perubahan-perubahan radikal yang berlaku baik dalam approach ataupun penekanan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kekalahan DAP itu bukan kerana apa yang dikatakan oleh Ketua DAP sebagai political blackmail. Kalaupun ada political blackmail di negara ini, maka political blackmail itu sebenarnya wujud di dalam Parti DAP sendiri. Parti DAP yang sedang menempah jurang kehancurannya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun yang akhir ini kita telah melihat satu demi satu tokoh-tokoh penting dalam DAP meninggalkan parti itu sementara tokoh-tokoh lain pula ditolak oleh rakyat dalam pilihanraya. Political blackmail yang dikatakan oleh Ahli dari Kota Melaka itu sebenarnya wujud di dalam DAP dan ini bukanlah satu perkara rahsia. Pemimpin-pemimpin DAP yang lari daripada Parti itu tidak berbuat demikian oleh kerana mengejar satu atau dua lesen atau kontrek seperti yang didakwa oleh Ketua DAP dalam Dewan ini semalam tetapi mereka meninggalkan parti itu kerana bosan dengan style kepimpinan di dalam DAP, style kepimpinan yang bersikap kuku besi, tidak demokratik dan angkuh. Inilah yang telah menyebabkan DAP kekurangan sokongan dari rakyat dan inilah juga yang menyebabkan tokoh-tokoh penting DAP lari meninggalkan parti itu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila DAP menang agak baik di dalam pilihanraya 1969 mereka mendabik dada bahawa rakyat sudah hilang kepercayaan kepada parti pemerintah. Ketika itu tidak timbul perbuatan political blackmail. Tetapi apabila DAP kalah teruk dalam pilihanraya bulan April, 1982 Ketua DAP menyatakan kekalahan itu berlaku kerana political blackmail. Ini adalah suatu analisa politik seorang pemimpin yang kehilangan akal apabila berhadapan dengan bayang-bayang kehancuran parti. Kekalahan

teruk DAP di dalam pilihanraya bulan April lalu berpunca semata-mata kerana rakyat tahu mereka tidak lagi boleh bergantung kepada sebuah parti yang tidak mempunyai program yang jelas yang hanya pandai mencari salah orang, yang hanya pandai menimbulkan isu-isu perkauman yang sensasional tetapi tidak berdaya mengatasi masalah-masalah yang berkecamuk dalam partinya sendiri. Kalau Ketua DAP semalam telah mengecam Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, kita pun tahu, semua orang tahu, bahawa kecaman itu bukan lahir daripada suatu faktor yang rasional tetapi lebih banyak berpunca daripada dendam. Kerajaan Sabah telah menggunakan kuasanya yang hak untuk tidak memberi izin kepada Ketua DAP itu masuk Ke Sabah dan ini diakui sendiri oleh beliau sendiri apabila beliau tidak memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran waktu beliau berucap. Kecaman ini ternyata lahir daripada perasaan untuk balas dendam dan bukan kerana sebab-sebab lain.

Tuan Yang di-Pertua, ketua DAP juga telah mengemukakan kepada Dewan ini isu-isu lama mengenai penghijrahan golongan profesional ke negara-negara asing dan menuduh bahawa Kerajaan Barisan Nasional menghalau rakyat Malaysia ke negara-negara lain. Beliau berkata, saya quote, dengan izin, apa yang disebutkan oleh wakil dari Kota Melaka itu:

“Mereka yang berhijrah adalah salah tetapi lebih salah lagi adalah orang-orang yang merumuskan serta melaksanakan dasar-dasar yang memaksa rakyat Malaysia berhijrah ke luar negeri.”

Kami di dalam Barisan Nasional tidak boleh menerima lojik yang amat cetek dan amat murah ini. Tetapi kalau lojik yang amat cetek ini hendak digunakan juga, maka kita boleh

berkata dan bertanya kepada DAP sendiri mengapa tokoh-tokoh besar DAP lari meninggalkan parti itu. Bolehkah kita mengatakan bahawa mereka yang lari daripada DAP adalah salah? Tetapi lebih salah lagi adalah pemimpin-pemimpin DAP yang merumuskan dasar-dasar partinya yang memaksa ahli-ahli DAP meninggalkan parti itu. Kalau Ketua DAP itu menerima lojik ini maka Ketua DAP itu mestilah sanggup memikul dan bertanggungjawab di atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan terhadap ahli-ahli dan penyokong-penyokong partinya yang membawa kepada kekalahan teruknya di dalam pilihanraya yang lalu dan tidak mencari sebarang helah lain seperti political blackmail yang direka-rekannya sendiri.

Begitu juga, kalau penghijrahan rakyat dari satu negara ke satu negara mesti dipersalahkan kepada sebuah Kerajaan maka tidak ada negara di dalam dunia ini yang terlepas daripada kesalahan. Beribu-ribu orang warganegara India dan Pakistan berhijrah ke Eropah dan Afrika dan ke kawasan-kawasan lain di sebelah timur sejak zaman berzaman untuk mencari kehidupan yang lebih baik, tidak siapa pun menyalahkan Kerajaan India atau Pakistan kerana hal ini. Beribu-ribu orang warganegara China berhijrah dari negara itu lama sebelum pemerintahan komunis mengambil alih negeri China. Beribu-ribu orang berhijrah daripada Great Britain ke Australia, tidak siapa pun mengutuk Kerajaan British kerana penghijrahan itu.

Di sini, di Malaysia ini keadaan yang berlaku adalah amat anih kalau ada orang berhijrah daripada negara ini mencari penghidupan yang lebih baik di negara luar maka Kerajaanlah yang dipersalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengerti sama sekali mengapa pihak DAP ingin menjadi ‘wira’ kepada 16,864 orang warganegara Malaysia

yang berhijrah dari negeri ini. Walaupun orang-orang ini tidak berhijrah ke luar negeri, saya agak orang ini tidak mengundi DAP, apalah yang hendak diheboh-hebohkan sangat. DAP sepatutnya jangan membuang masa membela orang-orang yang tidak ada lagi dalam negeri ini. Orang-orang yang mendapat senang di negara lain biarlah mereka senang di negara lain. Sebaliknya DAP patut melihat apa yang ada di negara ini sekarang, rakyat yang masih tinggal di dalam negara ini. Apakah rakyat bukan bumiputra seramai 5 juta orang itu hidup dalam keadaan yang sangat terdesak, yang kelaparan, kebuluran atau sama ada mereka menguasai kekayaan negara ini. Inilah persoalan yang pihak DAP patut bertanya kepada diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua DAP itu juga telah menimbulkan soal pendatang-pendatang daripada Indonesia dan sebentar tadi kita mendengar wakil dari Sandakan juga menimbulkan soal ini.

Wakil-wakil dari DAP itu bertanya mengapa Kerajaan bersikap keras terhadap pendatang-pendatang haram dari Vietnam dalam tahun 1978 dan 1979 dan tidak bersikap seperti itu terhadap pendatang-pendatang daripada Indonesia.

Saya juga hendak bertanya kepada pihak DAP, mengapa DAP matimatian membela kedatangan orang-orang Vietnam dalam tahun 1978 dan 1979 dan marah kepada kedatangan orang-orang daripada Indonesia. Kalau DAP pada dasarnya mahu orang-orang Vietnam dilayan baik atas dasar kemanusiaan maka mestinya secara consistent pihak DAP harus mendesak Kerajaan supaya memberi layanan yang baik juga kepada pendatang-pendatang dari Indonesia. Sebenarnya Ketua DAP itu telah tidak dapat membezakan antara pendatang-pendatang haram dari Vietnam dan pendatang-pendatang dari Indonesia.

Seperti kita maklum pendatang-pendatang haram dari Vietnam lari daripada negara mereka kerana suatu keadaan yang kita sendiri tidak langsung mempunyai peranan di dalamnya. Kedatangan mereka tidak memberi apa-apa faedah bahkan membawa beban kepada negara kita. Sebaliknya warganegara Indonesia yang datang ke Malaysia adalah sama seperti warganegara daripada Thailand, Singapura dan Filipina datang ke Malaysia untuk mencari pekerjaan dan menolong menampung kekurangan tenaga buruh yang berlaku dalam negara kita pada masa ini dan mereka akan pulang selepas tempoh perkhidmatan mereka habis.

Tidak syak lagi ini merupakan suatu penghijrahan sementara dan penghijrahan ini terbukti memberi sumbangan kepada ekonomi negara kita, lebih-lebih lagi di dalam sektor pertanian. Kalau orang tidak mengungkit-ungkit soal penghijrahan pekerja-pekerja dari India Selatan ke negara ini di zaman British untuk membantu kekurangan tenaga buruh di dalam estet-estet mengapa DAP sekarang bising apabila tenaga buruh daripada Indonesia dipinjam sementara untuk membantu perkembangan ekonomi negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menyentuh serba sedikit Titah Ucapan yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda kepada Dewan yang mulia ini. Di dalam Titah tersebut Seri Paduka telah menyebut betapa pentingnya kita melahirkan suatu masyarakat yang inovatif dan ini juga adalah satu tekanan yang dibuat oleh kepimpinan baharu Barisan Nasional pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara negara-negara yang menduduki tempat tertinggi di dalam pendapatan per kapitannya terdapat 5 buah negara yang tidak mempunyai sumber hasil bumi yang kaya. Contohnya,

Switzerland dan Jerman Barat yang masing-masing menduduki tempat yang ke 3 dan ke 4 di dalam senarai negara-negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang tertinggi di dunia tidak mempunyai bahan-bahan mentah. Begitu juga Jepun yang menduduki tempat ke 15. Singapura tempat yang ke 28, Hongkong tempat yang ke 11 dan Korea Selatan tempat yang ke 51. Negara-negara ini maju, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakyatnya mempunyai kepandaian yang tersendiri. Negara-negara ini terkemuka kerana mempunyai sumber tenaga manusia yang cekap dan mempunyai daya rekaan yang tinggi, baik di dalam bidang teknologi perusahaan mahupun di dalam bidang teknologi pengurusan. Oleh itu adalah jelas bahawa syarat utama untuk membentuk sebuah negara yang progresif dan maju adalah lebih banyak tergantung kepada sumber tenaga manusianya dan bahawa hasil bumi yang terdapat di sesebuah negara itu tidak semestinya menjadi faktor yang terpenting.

Kedudukan Malaysia di dalam senarai pendapatan negara per kapita yang tertinggi ialah tempat yang ke 50. Sebenarnya, dalam keadaan seperti yang terdapat sekarang di mana Malaysia mempunyai hasil bumi yang kaya sebenarnya tidak banyak negara dalam dunia seperti Malaysia mempunyai berbagai-bagai kekayaan hasil bumi, sepatutnya Malaysia tidak menduduki tempat yang ke 50. Ia sepatutnya menduduki tempat yang lebih tinggi daripada tempat yang ada sekarang. Akan tetapi, kita mestilah mengaku kesilapan kita yang lalu. Kesilapan kita ialah kita terlalu memberi tekanan yang terlampau lebih kepada usaha-usaha mengeluarkan dan memasarkan sumber-sumber alam kita dan hampir-hampir kita tidak mempedulikan sumber-sumber tenaga manusia. Saya tidak menafikan bahawa perbelanjaan yang besar berjumlah \$2.7 billion telah

dibelanjakan sejak Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga. Angka ini tidak termasuk angka yang sedang dibelanja dan akan dibelanjakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Kita melihat pembukaan institusi-institusi pelajaran tinggi dan juga penubuhan badan-badan penyelidikan yang semakin bertambah. Ini semuanya merupakan manifestasi kesedaran kita terhadap pentingnya pembangunan sumber tenaga manusia. Namun demikian, tenaga-tenaga yang dilatih begitu ramai itu hanyalah untuk memenuhi satu keperluan fizikal jangka pendek, untuk memenuhi tempat-tempat kosong di dalam jabatan-jabatan Kerajaan atau untuk memenuhi keperluan-keperluan sektor swasta. Orang-orang yang kita latih itu ternyata apabila ditempatkan ke jawatan masing-masing, mereka akan tenggelam di dalam kerja routine mereka dan segala pengalaman dan pelajaran mereka perolehi tidak digunakan untuk melahirkan satu ciptaan atau rekaan atau mewujudkan teknologi-teknologi baharu yang boleh dilihat oleh masyarakat umum.

Kesilapan ini, saya percaya berlaku oleh kerana kita di Malaysia ini tidak ada satu environment yang sesuai untuk orang-orang yang terlatih itu melahirkan rekaan-rekaan sendiri atau mengubahsuai formula-formula teknologi yang dipelajarinya untuk keperluan setempat. Kita tidak mengadakan galakan yang cukup untuk mereka bergiat di dalam ciptaan atau rekaan sesuatu teknologi. Tidak ada penghayatan yang sungguh-sungguh, baik daripada Kerajaan atau daripada masyarakat umum terhadap sesuatu rekaan teknologi. Tidak ada badan-badan yang mengambil berat tentang usaha-usaha ciptaan teknologi baharu yang menyebabkan sesuatu idea tidak di follow-up dan akhirnya hilang begitu sahaja. Sebaliknya, kita mengambil jalan mudah dengan

membeli hampir semua teknologi dari luar secara total tanpa ubahsuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat pada suatu ketika dahulu ada sekumpulan pelajar-pelajar daripada beberapa buah institusi pelajaran tinggi telah mempamerkan beberapa jenis teknologi, antaranya ciptaan satu jenis teknologi yang menggunakan minyak sawit sebagai base untuk dijadikan minyak disel. Ciptaan itu telah diberi publicity yang agak luas tetapi sekarang kita tidak tahu apa jadi dengan rekaan itu. Di sekolah-sekolah, terutama di sekolah sains, setiap tahun diadakan pameran dan disitu ditunjukkan berbagai rekaan sains dan alat-alat teknologi yang direka oleh pelajar-pelajar. Walaupun agak simple agak sederhana tetapi masih merupakan satu rekaan.

Saya sendiri telah melihat bagaimana satu eksperimen dibuat oleh sekumpulan pelajar-pelajar untuk memerah buah getah untuk dijadikan minyak. Sekali lagi ciptaan itu hilang selepas pameran tersebut dan para pelajar yang keluar dari sekolah itu tidak lagi berminat untuk meneruskan eksperimen mereka oleh kerana mereka tahu bahawa yang lebih penting di dalam hidup mereka ialah untuk mendapatkan kertas sijil dan ijazah seberapa banyak yang mungkin. Jelaslah bahawa masyarakat kita tidak diasuh untuk menghayati penciptaan baru baik di dalam bidang sains dan teknologi dan juga dalam lain-lain bidang.

Saya tidak percaya, bahawa bangsa Malaysia adalah satu bangsa yang tidak technological, sebaliknya sejak zaman berzaman bangsa kita telah mewujudkan teknologi-teknologi native, kita telah mempelopori teknologi perlombongan dengan mencipta suatu jenis pam hidraulik yang telah digunakan di sebuah lombong di kawasan Gerik lama sebelum teknologi British diperkenalkan di negara kita. Bangsa kita

juga adalah terkenal pada satu ketika sebagai pembuat perahu-perahu besar yang boleh mengharung laut sehingga ke sekitar kepulauan Melayu, Thailand dan Burma. Perusahaan membuat perahu besar ini juga telah dimajukan sekarang di negeri Trengganu tetapi kita tidak menonjol sebagai sebuah negara pembuat kapal dan bot yang boleh mengharung lautan. Ini adalah dua contoh bagaimana kita telah menyerah kalah di dalam bidang penciptaan teknologi dan sebaliknya membelakangkan teknologi-teknologi yang kita cipta itu dengan mengutamakan teknologi-teknologi yang kita import daripada negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang berkata bahawa teknologi kita terlalu cetek dan tidak mungkin sesuai sepanjang masa dan bahawa kita tidak mempunyai ciri-ciri yang cukup untuk memajukan teknologi yang kita cipta itu. Tetapi kita mestilah tidak lupa bahawa George dan Robert Stevenson telah menyiapkan keretapi yang pertama di dunia di dalam tahun 1814 tanpa makmal dan bengkel yang lengkap. Wilbur dan Orville Wright mencipta kapal terbang yang pertama dengan menggunakan bahan-bahan yang terdapat di sekitar mereka dengan membuat kerja-kerja di rumah atau di kedai basikal mereka. Semuanya ciptaan teknologi moden yang kita lihat hari ini seperti motokar dan sebagainya bermula daripada bengkel-bengkel kecil atau di tepi-tepi rumah.

Masyarakat kita tidak kurang dengan bakat pencipta akan tetapi kalau bakat ini tidak dihayati, kalau mereka tidak diberi galakan yang sewajarnya, kalau mereka tidak diberi gambaran yang sewajarnya maka fikiran-fikiran yang kaya dengan daya ciptaan ini akan tenggelam, ditenggelami oleh banjir teknologi yang lebih sophisticated tetapi

terpaksa dibeli dengan harga yang mahal dan bertambah mahal setiap tahun.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai bakat-bakat yang sudah tersedia di dalam institusi-institusi pelajaran tinggi bagi melahirkan pencipta-pencipta teknologi. Apa yang harus dilakukan sekarang ialah memberi pengarahannya baru, memberi pengarahannya baru kepada institusi-institusi ini dan mengurangkan tekanan-tekanan yang melampau-lampau terhadap kerja-kerja di atas kertas dan penilaian yang melampau-lampau terhadap kertas itu sendiri.

Suatu pengarahannya baru mestilah diberi kepada sistem pelajaran di sekolah-sekolah kita dengan mengadakan tekanan-tekanan baru yang memberi pengakuan dan penghayatan yang lebih tinggi kepada kerja-kerja penciptaan. Para perancang hendaklah menilai semula matlamat matapelajaran-matapelajaran yang sekarang dibebankan begitu berat ke atas pelajar-pelajar seperti Ilmu Hisab, Sejarah, Ilmu Alam dan lain-lain matapelajaran yang mungkin tidak relevant kepada keperluan hidup pelajar itu sendiri apabila mereka lepas sekolah kepada keperluan masyarakat dan keperluan negara.

Misalnya apakah perlu setiap pelajar itu mesti belajar Sejarah sehingga ke tingkatan universiti sedangkan mata pelajaran ini boleh mereka pelajari dengan membaca buku-buku sejarah selepas mereka meninggalkan bangku sekolah, kalau mereka ada minat di dalam sejarah. Apakah mereka perlu mempelajari Ilmu Alam di semua peringkat dan tidak hanya pada peringkat-peringkat tertentu sahaja oleh kerana tidak semua pelajar-pelajar itu nanti bila keluar sekolah akan menjadi geologists. Apakah mereka perlu mempelajari Ilmu Hisab pada semua peringkat sedangkan apabila mereka keluar

sekolah mereka akan menggunakan mesin kira-kira atau komputer. Mempelajari sesuatu matapelajaran semata-mata atas dasar untuk belajar samalah seperti slogan yang amat masyur: Seni untuk seni, sukan untuk sukan, akhirnya tidak tahu ke mana. Yang mesti ditekankan bahawa seni mestilah untuk masyarakat, sukan ialah untuk negara dan begitu juga apa yang dipelajari di sekolah-sekolah semestinyalah memberi sumbangan kepada pembangunan individu yang mempelajari matapelajaran itu, masyarakat yang hidup di dalamnya dan juga negara yang menyokong pembelajarannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya memikirkan bahawa sudahlah sampai masanya supaya kita memberi suatu orientasi baru kepada matlamat pembelajaran kita supaya pelajar-pelajar tidak terpaksa mempelajari sesuatu matapelajaran semata-mata untuk tujuan belajar tetapi sebaliknya matapelajaran yang dipelajari itu seharusnya dijadikan suatu asas ke arah pembentukan suatu daya fikiran dan daya penciptaan di dalam bidang yang dipelajari itu. Dalam lain-lain perkataan matlamat pembelajaran kita mestilah ke arah penggunaan ilmu pelajaran, ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, the application of knowledge dan bukan untuk mendapatkan ilmu pelajaran semata-mata. Dengan demikian, seseorang pelajar yang mempunyai daya pencipta yang tinggi harus diberi pengiktirafan yang sama walaupun tidak lebih daripada pencapaian seseorang pelajar yang menjawab soalan-soalan di atas kertas.

Saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya sebuah pusat teknologi rekaan atau dengan izin dalam bahasa Inggeris: Centre for Innovative Technology dibentuk bagi menggalakkan pertumbuhan perkembangan dan kemajuan daya cipta teknologi. Kementerian Sains,

Teknologi dan Alam Sekitar hendaklah diberi peranan bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran mengendalikan pusat yang dicadangkan ini. Pusat-pusat ini hendaklah diberi peranan bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran mengendalikan pusat yang dicadangkan ini. Pusat-pusat ini hendaklah bertugas mengkaji dan meneliti setiap ciptaan teknologi baru baik yang dihasilkan di pusat-pusat pelajaran mahupun di lain-lain institusi ataupun oleh orang-orang perseorangan. Satu sistem di dalam bentuk penganugerahan yang berupa kewangan dan lain-lain kemudahan patut diadakan untuk membolehkan orang-orang yang mendayaciptakan sesuatu rekaan teknologi itu meneruskan tugas mereka sehingga sesuatu ciptaan itu dapat dihasilkan. Pusat ini hendaklah bertindak melindungi hak cipta sesuatu rekaan supaya tidak diplagiatkan. Pusat ini patut menganjurkan pameran hasil-hasil ciptaan teknologi setempat supaya timbul minat dan penghayatan di kalangan orang ramai terhadap teknologi setempat.

Selain daripada itu, badan-badan research yang ada pada masa ini yang dibiayai oleh Kerajaan hendaklah dipercekapkan dan diberi penekanan baru. Saya nampak ada kecenderungan di kalangan pusat-pusat research yang ada sekarang ini untuk menjalankan kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan sematamata atas dasar untuk mengkaji dan menyelidik.

Sebagai contoh RRI (Rubber Research Institute) telah ditubuhkan sejak 29hb Jun, 1925, sudah berapa abad walaupun ia telah berjaya menghasilkan baka-baka getah yang boleh mengeluarkan hasil yang berlipatganda tetapi sehingga hari ini ia gagal mendayaciptakan satu teknologi, satu alat yang boleh mengeluarkan susu daripada pokok getah dengan cara baru dan tidak

menggunakan apa yang digunakan oleh datuk nenek kita beratus tahun yang lalu. Ini adalah satu perkara yang sangat anih bahawa kita sebagai pengeluar getah yang utama, kita telah berjaya mencari beberapa teknologi supaya getah dapat digunakan lebih luas, tetapi apabila balik ke kampung kita melihat orang menoreh getah secara 100 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada satu teknologi baru untuk mengeluarkan susu getah bagi menggantikan teknologi lama, maka kita melihat apa yang dihasilkan oleh RRI memberi benih-benih getah baru yang melahirkan susu-susu getah yang banyak, akhirnya tidak mendatangkan apa-apa kesan oleh kerana anak-anak muda tidak berminat untuk menoreh getah dan orang-orang tua sudah tua dan tidak larat untuk menoreh getah dan akhirnya balik kepada asal.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kita belum dapat menciptakan satu alat teknologi untuk memetik buah kelapa sawit yang sekarang ini masih dijalankan dengan menggunakan tenaga manusia, walaupun kita telah banyak menanam modal di dalam perusahaan ini. Kita sehingga ini telah membuka hampir 1 juta hektar ataupun lebih 2.3 juta ekar kelapa sawit sejak 10 tahun lalu, penanaman modal yang besar di dalam penanaman perusahaan kelapa sawit ini tidak diselaraskan pula dengan usaha-usaha untuk mencipta satu jenis harvester dengan menggunakan teknologi baru. Dengan keadaan kekurangan tenaga buruh di dalam sektor pertanian seperti yang saya sebutkan tadi dan keadaan ini akan terus dialami di masa-masa yang akan datang. Saya percaya penanaman modal kita yang amat besar di dalam perusahaan kelapa sawit ini juga akan menghadapi ancaman yang sangat berbahaya apabila pada satu ketika nanti orang-orang yang sekarang menanam kelapa sawit tidak lagi boleh dan tidak lagi berdaya memotong kelapa sawit dan

apabila anak-anak muda kita tidak lagi mahu bekerja memotong kelapa sawit secara tradisional.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang penanaman padi kita juga belum dapat menghasilkan satu jenis harvester ataupun alat tenggala yang sesuai. Kita terpaksa menggunakan jentera harvester dan jentera tenggala yang diimport dan oleh kerana jentera teknologi yang kita import semakin hari semakin mahal harganya, tanda-tanda sudah menunjukkan bahawa penanaman padi itu yang sememangnya mempunyai daya pulangan modal yang amat rendah ataupun RR yang amat rendah dan akan mendapati sukar untuk menanggung teknologi yang amat mahal. Kita tahu bahawa traktor-traktor yang dibeli oleh petani-petani telah ditarik balik oleh kerana petani-petani tidak mampu membayar ansuran bulanan. Sebabnya tidak lain dan tidak bukan bahawa perusahaan menanam padi merupakan lapangan yang termasuk di dalam sektor pertanian dan sektor pertanian merupakan sektor yang termiskin di dalam semua sektor ekonomi negara kita dan penanaman padi merupakan perusahaan yang termiskin di dalam sektor pertanian, maka jadilah tanaman padi itu termiskin di antara yang termiskin dan kerana itu ia tidak dapat menampung dan menanggung teknologi daripada barat yang kita import sekarang. Jawapannya mestilah kita mengadakan satu teknologi setempat, teknologi native, teknologi yang lebih baik daripada cara tradisional iaitu membajak dengan menggunakan kerbau atau lembu tetapi suatu teknologi baru yang pertengahan di antara teknologi membajak dengan kerbau-lembu dan teknologi traktor yang terlalu mahal dan tidak disanggupi oleh para penanam padi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

mestilah memikul tanggungjawab yang lebih besar untuk melahirkan teknologi-teknologi yang diperlukan oleh rakyat negara ini supaya Kementerian ini tidaklah sains pada namanya sahaja tetapi ia patutlah sains juga pada isi dan pada amalannya. Kalau tugas Kementerian ini hanyalah untuk mengendalikan pusat Reaktor Tun Ismail saya fikir Kementerian ini tidak selayaknya diberi nama sebuah Kementerian. Ia haruslah diberi tugas yang lebih besar untuk mencari formula-formula sains bagi melahirkan teknologi-teknologi yang relevant dan yang diperlukan oleh rakyat dan negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak bidang yang boleh dijadikan asas kajian sains oleh Kementerian tersebut, misalnya, mencari formula-formula sains untuk mengubah bahan-bahan yang terbuang untuk dijadikan bahan-bahan perusahaan. Seperti yang kita ketahui kita mempunyai ladang tebu yang hampasnya terbuang begitu sahaja. Kita mempunyai berjuta-juta ekar ladang kelapa sawit yang hampas sawitnya dan daun-daun serta pelepahnya dibuang begitu sahaja. Begitu juga hampas-hampas daripada nenas yang diperah dan sabut-sabut kelapa yang dibuang begitu sahaja. Sekam padi dan jerami, abuk daripada kayu gergaji yang dibakar begitu sahaja dan begitu juga biji-biji getah yang tidak ada nilainya, daun getah kering yang bertaburan, rumput-rumpai, lalang dan lain-lain yang banyak di negara kita. Semuanya ini adalah sumber kekayaan negara kita dan pihak Kementerian Sains haruslah diberi tanggungjawab untuk menyelidik dan mencari formula-formula sains bagaimana bahan-bahan yang terbuang ini dapat dijadikan satu bahan industri untuk digunakan bukan sahaja oleh negara kita tetapi juga negara luar.

Saya ingin tahu apakah satu-satu langkah yang telah dibuat setakat ini

untuk mengkaji kemungkinan bahan-bahan yang saya sebutkan tadi supaya dijadikan satu bahan perusahaan dan apakah penyelidikan yang telah dibuat mengenai kegunaan yang boleh didapati daripada bahan-bahan itu dan apakah formula-formula sains yang perlu digunakan untuk menjadikan bahan-bahan yang terbuang itu sebagai bahan-bahan yang berguna. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mestilah digalakkan, diberi nafas baru dan dirombak semula dijadikan sebuah Kementerian dalam ertikata yang sebenarnya, yang berfungsi sebagai nadi kepada usaha untuk memupuk pertumbuhan idea-idea baru di dalam bidang sains dan teknologi bagi keperluan rakyat di masa kini dan di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga perlu mewujudkan satu kumpulan teknologi pengurusan yang boleh mengumpulkan idea-idea, memproses idea-idea dan mempraktikkan idea-idea pengurusan yang lebih praktikal dan berkesan bukan sahaja dalam sektor awam tetapi juga dalam sektor swasta, khususnya di dalam bidang perkhidmatan yang diberikan oleh bidang swasta.

Saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah berjaya mewujudkan satu kaunter berkelompok di mana orang ramai boleh membayar apa juga bil-bil berkaitan dengan Kerajaan di bawah satu bumbung. Ini adalah satu permulaan yang baik dan kita perlu lebih banyak idea-idea bagi memperbaiki perkhidmatan dan mutu perkhidmatan itu di Jabatan-jabatan Kerajaan terutama yang berkaitan dengan orang ramai. Jabatan Imigresen perlu diberi teknologi pengurusan yang baru, begitu juga Jabatan Kastam, Jabatan Pengangkutan Awam, Pejabat Tanah

di negeri-negeri dan lain-lain Jabatan yang terpaksa memberi perkhidmatan yang cekap serta teliti kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor swasta pula kita perlu memperbaiki perkhidmatan Pengangkutan Awam seperti bas dan lain-lain. Oleh yang demikian, perlulah ditubuhkan badan-badan tertentu untuk mengkaji sistem perkhidmatan di dalam sektor swasta dan serta itu juga untuk semua syarikat-syarikat yang berkenaan perlu digalakkan untuk mengkaji semula sistem perkhidmatan yang ada sekarang dan memberi idea-idea baru supaya kecekapan pengurusan bukan sahaja wujud di Jabatan-jabatan Kerajaan, tetapi juga di sektor swasta. Selama ini orang ramai hanya mengharapkan kecekapan itu terdapat di Jabatan-jabatan Kerajaan tanpa memperhitungkan perkhidmatan yang cekap juga perlu diberi oleh sektor swasta.

Saya juga mencadangkan di sini supaya dibentuk satu badan untuk mengawasi segala bentuk pembaziran baik dilakukan oleh sektor awam mahupun sektor swasta. Kita telah mendengar berkenaan jentera-jentera yang telah dibeli dengan harga berjuta-juta ringgit telah tidak digunakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu. Kita juga mendengar mengenai pembelian kenderaan-kenderaan yang terlalu sophisticated yang telah dibuat dan akhirnya didapati tidak sesuai untuk digunakan. Kita harus memeriksa kembali apakah kita terlalu berlebih-lebihan di dalam menjejar sesuatu teknologi baru yang diimport daripada luar sedangkan kita tidak mampu untuk membiayainya. Apakah kita boleh mengelakkan pembelian jentera-jentera yang kita tidak perlu dan sebenarnya boleh menggunakan jentera-jentera yang sedia ada.

Di India misalnya, steam-roller tidak digunakan untuk membuat jalan, mereka sebaliknya membuat

roller sendiri dan menggunakan trektor untuk menarik roller itu. Trektor itu boleh digunakan juga untuk tujuan-tujuan lain apabila tidak digunakan untuk membuat jalanraya. Kita haruslah mengelakkan pembelian sesuatu jentera atau alat kelengkapan yang tidak dapat digunakan secara maksima, misalnya apakah kita patut membeli lori-lori sampah hydrolic yang mahal harganya, sedangkan tempat-tempat membuang sampah tidak dilengkapi dengan alat-alat atau mechanism yang sesuai dengan kehendak dan mechanism lori mengangkat sampah itu. Apakah kita perlu mengenakan syarat-syarat bila sesuatu lesen pengangkutan hendak dikeluarkan, maka lesen pengangkutan awam itu hendaklah mempunyai satu standard yang tertentu, misalnya kalau bas mestilah menggunakan satu standard bas yang boleh diterima dan diluluskan.

Saya berpendapat kalau untuk pengangkutan luar bandar misalnya, kita perlu mengubahsuaikan keadaan kita, oleh kerana sebuah bas yang standard yang terdapat di bandar-bandar berharga barangkali \$60,000 atau \$80,000 sebuah dan kalau bas yang sama hendak dibawa ke luar bandar, barangkali tidak sampai sebulan syarikat yang berkenaan akan gulung tikar oleh kerana masyarakat luar bandar, ekonomi luar bandar tidak dapat menampung sebuah bas yang mahal harganya sedangkan masyarakat luar bandar mahu juga satu pengangkutan yang efficient. Oleh itu kita haruslah belajar daripada negara-negara jiran kita, misalnya apa yang saya tengok di Thailand juga di Indonesia dan Filipina van-van pick-up, diletakkan bangku atau kerusi dijadikan pengangkutan, bukan sahaja van-van ini berkhidmat sebagai pengangkutan di luar bandar, tetapi juga di dalam bandar, tidak timbul masalah keselamatan kepada penumpang dan sebagainya. Kalau kemalangan hendak berlaku bas yang

berhawa dingin, yang berharga \$180,000 atau \$200,000 sekalipun kalau sampai masanya hendak jatuh gaung ia akan jatuh juga. Oleh itu kita mestilah realistic dalam approach kita, dan kita hendaklah memeriksa kembali peraturan-peraturan yang lapuk yang ketinggalan zaman yang tidak lagi practical yang dibuat oleh orang-orang zaman dahulu yang mementingkan luxury lebih daripada practicality. Dalam soal pengangkutan luar bandar misalnya, saya berharap benar-benar pihak Jabatan Pengangkutan Jalan akan memeriksa kembali syarat-syarat yang ada sekarang ini supaya kesukaran yang dialami di luar bandar dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menjaga standard yang terlampau tinggi di dalam semua bidang termasuk bidang pengangkutan dan lain-lain maka akhirnya kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah yang kita hadapi bahkan masalah itu akan menimbun kepada kita oleh kerana harga teknologi yang kita beli daripada barat itu tidak akan turun harganya malah akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melahirkan sebuah negara yang maju, kita mestilah sanggup lebih practical di dalam approach dan sikap kita mestilah bersikap rasional juga dapat menadjustkan kedudukan kita daripada satu masa ke satu masa. Apa yang menarik perhatian saya di masa ini, ialah kita terlalu banyak membazir di dalam import kita sehinggakan kita melihat import barang-barang jentera kita sahaja telah meningkat daripada \$126.9 million dalam tahun 1961 menjadi \$31 billion dalam tahun 1981.

Peningkatan sebanyak 3 billion dalam masa 20 tahun untuk mengimport bahan-bahan jentera ini mungkin mencerminkan keinginan kita untuk menambah pengeluaran dan

memodenkan sektor pengeluar kita, akan tetapi pertambahan ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan sangat berlaku kerana pertambahan jumlah unit jentera yang diimport akan tetapi lebih banyak berlaku kerana pertambahan nilai bagi tiap-tiap unit bahan jentera yang diimport. Inilah yang perlu kita fikirkan sekarang ini dan angka yang saya sebutkan sebentar tadi itu tidak termasuk import barang-barang pengangkutan yang bertambah daripada \$117.1 million kepada \$892.2 million dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak berusaha untuk meningkatkan harga barangan atau harga komoditi kita walaupun kita mencapai kejayaan dan ada yang gagal, namun demikian kita tidak berdaya untuk mengatasi kenaikan harga teknologi yang diimport. Oleh yang demikian suatu usaha yang serius mestilah dibuat bagi menggalakkan teknologi setempat berasaskan kepada bahan-bahan yang boleh didapati daripada negara kita sendiri. Sekiranya ini tidak dilakukan maka kita akan terus menghadapi jurang yang makin luas di antara harga bahan-bahan yang kita eksport yang makin menurun dengan harga barangan yang kita import yang makin meningkat naik sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

4.53 ptg.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai ahli-ahli yang lain untuk menyokong usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan sidang penggal ini dua hari yang lalu yang bukan sahaja padat

tetapi amat jelas dilihat dari konteks era pentadbiran negara pada hari ini.

Pilihanraya Umum yang ber-langsung baru-baru ini telah memberi peluang kepada rakyat Sabah untuk memilih wakil-wakil mereka ke Parlimen Malaysia. Keputusan pilihanraya telah membuktikan rakyat Sabah menyokong penuh pucuk pimpinan negara yang baru. Rakyat Sabah menyokong penuh pentadbiran 2M yang mendukung cita-cita bersih, cekap dan amanah. Bagaimanapun saya merasa amat kesal kerana masih ada parti politik, iaitu DAP yang mengambil kesempatan melalui kempen pilihanraya yang lalu itu untuk merosakkan perpaduan di kalangan rakyat di Sabah dengan menghasut para pengundi dengan berbagai macam tuduhan dan tohmah dengan tujuan bukan sahaja untuk mendapatkan undi mereka tetapi dalam masa yang sama membenci Kerajaan. Oleh itu saya dan rakan-rakan Bebas dari Sabah di Dewan yang mulia ini merasa agak kesal dan hairan sekali bagaimana pemimpin DAP itu, saudara Lim Kit Siang boleh dipilih sebagai Ketua Pembangkang yang saya rasa bukan sahaja tidak tepat malahan tidak sama sekali layak disandang olehnya.

Saya ingin menjelaskan di sini bagi pihak rakan-rakan saya dari Sabah sungguhpun kami di sini duduk di meja Pembangkang, kami sama sekali tidak merelakan diri untuk berketuakan saudara Lim Kit Siang (*Tepuk*). Kemampuan DAP di Sandakan adalah hasil daripada taktik-taktik kotor yang dimainkan oleh DAP di Sandakan. Taktik-taktik ini hampir semua boleh mengakibatkan kemarahan rakyat. Sebagai contoh, DAP menulis pena mereka dalam bahasa Cina membuat isu daripada Universiti Merdeka, menyelar bulat-bulat sistem pelajaran 3M kononnya 3M akan melenyapkan kebudayaan dan bahasa Cina. Ada beberapa pena kalau tidak diturunkan

oleh pihak-pihak tertentu sekali telah mengakibatkan huru-hara di negeri Sabah.

Semalam wakil dari Kota Melaka seakan-akan menggambarkan Yang Amat Berhormat Datuk Harris Mohd. Salleh sebagai seorang pemimpin pelampau. Sebenarnya sikap sederhana Datuk Harris ini mendapat sambutan hangat daripada rakyat Sabah. Keputusan Pilihanraya Negeri pada tahun 1981 dan keputusan Pilihanraya Parlimen tahun 1982 membuktikan betapa rakyat Sabah menyokong penuh dasar sederhana Datuk Harris Mohd. Salleh. Dalam kedua-dua pilihanraya pihak Pembangkang telah kalah teruk.

Semalam dalam ucapannya juga wakil dari Kota Melaka telah membuat tuduhan-tuduhan liar peribadi terhadap Datuk Harris. Ketua DAP mengatakan Yang Amat Berhormat Datuk Harris.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk! Menurut Peraturan 36 (5), "Seseorang ahli tidak dibenar menyebutkan nama ahli lain." Jika boleh jangan gunakan.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana semalam tuduhan yang dibuat oleh saudara dari Kota Melaka juga menyebut nama Ketua Menteri Sabah, sebab itu saya merasa kalau beliau telah dibenarkan berbuat demikian pada hemat saya adalah tidak salah kali ini kalau saya tadi menggunakan nama saudara dari Kota Melaka, tetapi walau demikian saya minta maaf dan tidak akan membuat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila sambung.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Semalam dalam ucapannya wakil dari Kota Melaka

telah membuat tuduhan-tuduhan liar dan peribadi terhadap Ketua Menteri Sabah. Saudara dari Kota Melaka menggambarkan iaitu Datuk Harris mengamalkan politik apa yang dipanggilnya sebagai political blackmail atau politik menghasut. Ini kata beliau adalah disebabkan Datuk Harris kononnya telah bersumpah.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Jangan lupa Peraturan 36 (5) yang sebut dengan jelasnya nama ahli lain tidak boleh disebutkan. Sila sambung.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Yang Berhormat dari Ulu Padas, kononnya beliau telah bersumpah untuk menderakan penduduk-penduduk Sandakan atau dalam erti kata lain mengugut tidak akan memberi pembangunan kepada rakyat Sandakan, katanya.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lebih dari jelas bahawa tuduhan-tuduhan liar ini tidak berasas melainkan bertujuan untuk menanamkan kebencian rakyat terhadap Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Perdana Menteri kita dan Timbalannya. Sebagai Ketua Menteri Sabah, Wakil dari Ulu Padas sesungguhnya tidak pernah membuat sebarang apa yang disebut sebagai sumpah untuk menderakan rakyat Sandakan semata-mata kerana mereka memilih DAP. Kerajaan Negeri pimpinan beliau telah, sedang dan akan melaksanakan berbagai macam projek pembangunan untuk seluruh negeri Sabah, termasuklah di Sandakan.

DAP tidak boleh memutar-belitkan kenyataan ini dan DAP tidak boleh mengelirukan pandangan dan tanggapan Ahli-ahli Dewan ini dan yang penting DAP tidak seharusnya memainkan politik kotor dan bahaya ini.

Saya suka menasihatkan DAP terutamanya pemimpinannya dari Kota Melaka bahawa semua perkara ada batasnya, ada hadnya. Demikian juga politik kotor dan benci-membenci ini sebab selepas itu ada akibatnya dan ada kesannya dan DAP hendaklah bertanggungjawab sekiranya semua itu berlaku nanti. Saya rasa Wakil dari Sandakan tidak buta untuk melihat betapa pada masa ini projek-projek seperti pembinaan Lapangan terbang Sandakan sedang berjalan dengan lancarnya. Projek-projek untuk membaiki jalanraya di bandar Sandakan juga sedang dijalankan dan ini termasuklah projek sebuah masjid yang berharga \$11 juta yang dibina oleh Kerajaan BERJAYA dan sedang dalam pembinaannya pada hari ini.

Walau bagaimanapun saya rasa BERJAYA sebagai satu parti politik tidak salah kalau main politik terhadap parti-parti Pembangkang, tidak salah kalau Ahli dari Ulu Padas mengatakan beliau tidak dapat dengar salakan daripada Pembangkang. Amalan seperti ini adalah tidak salah dan biasa. Di Amerika Syarikat pun tiap-tiap kali berganti Presiden beribu-ribu rakyat Amerika kehilangan kerja dan beribu-ribu pula yang akan menggantikan mereka yang kehilangan kerja. Kawasan yang jatuh ke tangan Pembangkang akan kehilangan keutamaan dari segi pembangunan dan setahu saya di kawasan Pembangkang juga kehilangan \$200,000 tiap-tiap tahun daripada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapannya di Dewan yang mulia ini kelmarin Ahli dari Kota Melaka yang juga pemimpin DAP No.1 ada menyebut tentang kunjungannya ke Sabah. Cuma yang dia tidak sebut di situ beliau telah juga pernah ditolak masuk ke Sabah oleh Kerajaan USNO dahulu dan yang tidak disebut oleh pemimpin DAP itu lagi ialah bahawa

Kerajaan Negeri dukungan parti BERJAYA sekarang pernah membenarkan beliau melawat Sabah. Buktinya terdapat dalam buku yang ditulis oleh Ahli dari Kota Melaka yang bernama "A Time Bomb in Malaysia". Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin DAP ini bukanlah jenis orang yang tahu berterima kasih. Beliau bukanlah jenis orang yang tahu menggunakan jasa baik yang diberikan kepadanya. Sesampai sahaja di Sabah dia dan rakan-rakannya telah menjalankan kempen-kempen perkauman dan kempen membenci Kerajaan. Ini adalah bahaya, terlalu merbahaya jika dilihat dari konteks pengalaman negara menghadapi peristiwa 13 Mei pada tahun 1969 dahulu. Walaupun peristiwa berdarah itu tidak pernah berlaku di Sabah tetapi dari apa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin DAP khususnya Setiausaha Agungnya bukan mustahil bahawa api yang dimain dan ditiup oleh DAP itu boleh membawa ke arah berlakunya peristiwa seumpama itu di Sabah. Maka selain daripada mencegah dari berlakunya peristiwa tersebut kempenya juga bertujuan untuk mengawal batang tubuh beliau.

Rakyat Sabah hidup dalam aman damai. Mereka saling hormat menghormati walaupun terdapat berbagai parti di sini tetapi kehadiran DAP dan Setiausaha Agungnya di Sabah boleh menjejaskan kedamaian dan keamanan di kalangan rakyat. Saya berharap Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dapat memahami hakikat ini.

Tuan Sim Kwang Yang: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri jalan tidak?

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Saya tidak beri jalan, saya mahu habiskan ucapan saya dahulu (Tepuk).

Tahun 1976 telah memberi peluang kepada parti BERJAYA untuk memerintah negeri Sabah. Parti BERJAYA telah mewujudkan kepimpinan yang kuat dan kepimpinan yang telah membawa banyak perubahan dan pembaharuan untuk membasmi kemiskinan di Sabah. Kepimpinan Kerajaan Negeri Sabah adalah sejajar dengan aspirasi Kerajaan Pusat yang ingin mewujudkan satu Kerajaan yang kuat. Ini jelas kelihatan tentang pendekatan-pendekatan dan pendapat-pendapat yang baru yang telah diwujudkan oleh negeri Sabah dalam soal-soal membantu rakyat yang miskin. Perkara ini telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semasa beliau merasmikan Ibu Pejabat Parti BERJAYA tidak lama dahulu. Bukti-bukti juga terlalu banyak menunjukkan para Menteri-menteri Sabah terutamanya Ketua Menteri secara langsung melibatkan diri di semua peringkat pembangunan. Walaupun sibuk, Ketua Menteri kami sempat meninjau pasar-pasar yang kotor, projek-projek KPD di pendalaman, melihat sendiri kemajuan yang dicapai oleh Ko-Jasa. Kalau di Semenanjung Malaysia kelaparan tanah (land hunger) sebagai satu punca kemiskinan tetapi di Sabah setiap keluarga dijamin oleh Kerajaan BERJAYA untuk mendapatkan tanah sekurang-kurangnya 15 ekar. Kerajaan BERJAYA telah memberi bantuan kepada rakyat miskin demi untuk mengurangkan beban kemiskinan.

Di antara bantuan-bantuan itu adalah seperti berikut:

- (1) Elaun kepada orang-orang tua yang berumur 60 tahun ke atas dan yang tidak mempunyai anak;
- (2) Bantuan buku, uniform dan alatulis-alatulis kepada murid-murid yang miskin;

- (3) Memberi susu percuma kepada murid-murid di sekolah.

Kerajaan BERJAYA telah mengambil tindakan tertentu untuk serba sedikit mengalihkan pendapatan negeri daripada yang berada kepada yang kurang berada. Ini adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara yang kaya dengan yang miskin. Ini telah dilakukan dengan cara menaikkan royalti balak dan lain-lain cukai. Dengan ini Kerajaan BERJAYA telah berjaya menjalankan projek-projek sosio-ekonomi yang menguntungkan rakyat miskin.

Beberapa agensi-agensi Kerajaan telah juga ditubuhkan untuk menolong rakyat miskin. Agensi-agensi seperti Unit Bumiputra, KPD, Ko-Nelayan, Ko-Jasa adalah di antara agensi-agensi yang dimaksudkan. Unit Penyertaan Bumiputra dengan kerjasama Sabah Credit Corporation ditubuhkan untuk memberi bantuan kepada rakyat miskin dalam bidang perniagaan. KPD di antara lain menolong petani-petani luar bandar meniggikan pengeluaran dan membantu petani-petani membangunkan tanah mereka. Ko-Nelayan pula membantu para nelayan untuk meniggikan taraf hidup mereka. Demikian juga Ko-Jasa adalah bertujuan untuk menstabilkan harga barang keperluan rakyat disamping menjamin bekalan barang-barang keperluan rakyat miskin. Kerajaan BERJAYA telah membuka peluang pekerjaan kepada rakyat miskin. Pembukaan dan pembangunan tanah telah diterokai oleh pihak swasta dan pihak Kerajaan. Ribuan ekar telah dibuka di kawasan Sandakan, Kelukit, Jalan Sandakan-Lahat Datu dan Tawau. Beribu-ribu rakyat miskin telah mendapat pekerjaan malahan ada yang berpendapat peluang pekerjaan lebih banyak daripada rakyat miskin yang ingin bekerja di Sabah. Akibatnya

ladang-ladang besar terpaksa mendapatkan pekerja-pekerja dari negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk rasanya elok disebutkan sedikit di sini khasnya untuk pengetahuan Ahli-ahli dari DAP bahawa Kerajaan Negeri dukungan parti BERJAYA sekarang ini yang sentiasa dikecamnya, digertak-getaknya itu sebenarnya benar-benar telah dapat menyelamatkan Sabah daripada bankrup. Ini bukan rahsia lagi. Jika mereka atau sesiapa sahaja mahu melihat kembali sejarah Kerajaan dukungan USNO sebelum ini, kalau dahulu Kerajaan Negeri hampir-hampir tidak punya wang untuk membayar gaji kakitangan Perkhidmatan Awam biarpun waktu itu harga balak adalah tinggi dan projek-projek pembangunan boleh dikatakan tidak ada tetapi sejak parti BERJAYA berkuasa, Kerajaan Negeri mempunyai lebih simpanan wang yang amat menggalakkan disamping pelbagai projek pembangunan yang saya sebut tadi untuk kepentingan rakyat.

Contoh yang paling akhir sekali ialah lebih dagangan sebanyak \$1.7 billion yang dicapai oleh Sabah dalam tujuh bulan pertama tahun ini berbanding dengan hanya kira-kira \$700 juta sahaja dalam masa yang sama tahun lalu.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak contoh kalau hendak disebutkan di sini bagi menggambarkan betapa Kerajaan Negeri sekarang menjalankan tanggungjawabnya yang diamanahkan kepadanya oleh rakyat secara jujur dan ikhlas. Ini adalah selaras dengan konsep bersih, cekap dan amanah negeri kita pada hari ini.

Dengan itu sekali lagi saya menyatakan sokongan saya terhadap usul yang dibawa oleh saudara Shamsuri bin Md. Salleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.11 ptg.

Tuan Tan Kow Kia (Padang Serai): Saya bangun untuk menyokong usul terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa bersyukur kerana berpeluang buat kali yang pertama berucap di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, salah satu matlamat utama Dasar Ekonomi Baru ialah menyusun semula masyarakat Malaysia supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan tempat tinggal dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan. Kerajaan pernah berjanji akan menyusun semula masyarakat dengan menambah imbalan pekerjaan orang-orang Melayu dan lain-lain rakyat bumiputra dalam perusahaan-perusahaan lombong, bank, perkilangan dan pembinaan dan mengimbangkan lain-lain warganegara dalam sektor pertanian dan sektor perkhidmatan supaya pada tahun 1990 pekerjaan dalam semua sektor akan mencerminkan komposisi kaum di negara kita.

Dalam konteks ini keadaan tidak seimbang sekarang adalah nyata dan jelas sekali kerana hampir semua pegawai tadbir terdiri dari satu keturunan sahaja. Keturunan orang-orang bukan Melayu jarang dilantik untuk memegang jawatan-jawatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pejabat Daerah, Pejabat Tanah dan lain-lain Jabatan Kerajaan. Bagi Pegawai-pegawai Kerani pula peluang yang diberi kepada orang keturunan bukan Melayu adalah kurang daripada 5%. Bilangan ini semakin lama semakin kurang kerana mengikut apa yang difahamkan penggantian tidak dibuat setelah pegawai Kerani berkenaan bersara. Dengan keadaan yang tidak seimbang ini ada kemungkinan besar

bahawa dasar-dasar Kerajaan yang berfaedah kepada semua kaum mungkin tidak dapat diimplementasikan dengan sepenuhnya dan masalah penyelewengan dari dasar Kerajaan akan berlaku. Ini memang bukan satu tanda yang sihat dan sentiasa bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Masa sudah tiba untuk Kerajaan memberi perhatian yang serius ke arah mencapai perpaduan negara. Oleh itu perlu mengadakan satu dasar pengambilan di sektor perkhidmatan awam supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negara dapat dipatuhi dan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini.

Adalah dipercayai berpatutan jika pengambilan (recruitment) dalam sektor perkhidmatan awam mencerminkan komposisi kaum dalam negara ini dengan pembahagian tidak lebih daripada 70% untuk Melayu dan sekurang-kurangnya 30% untuk bukan Melayu. Dengan adanya dasar ini nescaya akan membantu Kerajaan dalam usaha mencapai matlamat utama Dasar Ekonomi Baru mengikut jadual yang ditetapkan. Sekiranya perkara ini tidak dapat diperbaiki maka kebimbangan akan timbul dikalangan rakyat dari keturunan bukan Melayu.

Memandangkan pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menambah imbangan pekerjaan orang-orang Melayu di sektor swasta seperti perusahaan-perusahaan lombong, bank, perkilangan dan pembinaan, maka tidak ada sebab pihak Kerajaan tidak dapat mengambil langkah-langkah yang serupa dengan mengadakan dasar-dasar pengambilan yang tertentu untuk mengimbangkan rakyat keturunan bukan Melayu di sektor perkhidmatan awam supaya pada tahun 1990 pekerjaan dalam

semua sektor akan mencerminkan komposisi kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Dasar Ekonomi Baru sudah 12 tahun dilaksanakan akan tetapi keadaan tidak seimbang di bidang pertanian masih juga tidak berubah. Seperti saya sebut sebentar tadi Kerajaan berjanji akan menambah peluang-peluang bagi orang Melayu dan lain-lain bumiputra di dalam sektor perusahaan dan perlombongan dan di samping itu menambahkan peluang-peluang kerja bagi kaum-kaum lain di dalam sektor pertanian. Tetapi malangnya setakat ini Kerajaan belum lagi betul-betul menggalakkan dan menolong kaum bukan Melayu menyertai pembangunan di dalam sektor pertanian.

Menyebut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak FELDA pada 13 April, 1976 seramai 35,946 keluarga telah dapat ditempatkan di kawasan Felda pada masa itu. Dari itu sebanyak 96.2% ialah terdiri dari orang Melayu, 2.1% dari orang Cina dan 1.7% dari orang India dan lain-lain bangsa. Sehingga hujung tahun 1980 peratus orang bukan Melayu menyertai rancangan kemajuan tanah tidak lebih daripada 7.5%. Ini bererti daripada jumlah 66,500 keluarga yang ditempatkan itu hanya 4,960 sahaja dari keluarga bukan Melayu.

Sebenarnya dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sektor pertanian adalah sektor tunggal yang Kerajaan berhasrat menambahkan peratusannya untuk orang bukan Melayu iaitu daripada 20.1% pada tahun 1975 dicadangkan meningkat 28.3% pada tahun 1990.

Cadangan ini memang menggalakkan akan tetapi sekiranya tanpa diberi peluang dan galakan maka tetaplah menjadi sia-sia sahaja. Kerajaan tidak bercadang membuka sebanyak 3.2 juta ekar tanah. Di

antara tahun 1975 hingga tahun 1990 yakni lebihkurang sejuta ekar bagi tiap-tiap lima tahun dan Kerajaan telah membuka sebanyak dua juta ekar tanah di dalam tahun 1971 sehingga tahun 1980. Mengikut angka yang tersebut di atas rakyat keturunan bukan Melayu nampaknya berpeluang memperolehi tanah untuk pertanian. Malangnya sehingga hari ini cuma 'guruh berbunyi hujan tidak turun'. Kerajaan harus sedar dan sedia menimbangkan di sektor ini dengan memberi lebih banyak peluang penyertaan kepada bukan Melayu menjadi peneroka di rancangan FELDA yang akan datang kerana ini adalah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Sibü.

5.22 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Yang Di-Pertua, saya memohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, Malaysia has just celebrated her 25th Anniversary on a grand scale. During the past 25 years the people of Malaysia have experienced many problems arising in our multi-racial society such as turbulent political situation and economic recession. Though emergency measures have been taken to deal with these problems, yet fundamental issues could not be solved overnight.

Mr. Speaker, Sir, the Barisan Nasional leaders have promised the people that they are going to form a clean, efficient, reliable or trustworthy Government. They are trying to persuade the people to improve their working attitude and efficiency by "Looking to the East". Superficially,

this is an encouraging policy. But reality is still a reality—the ever increasing anger, dissatisfaction and discontent of the people over various national issues. The Government has to face it. The only solution is that the Government has to immediately stop the implementation of all unfair, unreasonable and racial policies.

